

**HUKUMAN REJAM MENURUT KANUN JENAYAH
SYARIAH DI NIGERIA DAN IMPLIKASINYA
TERHADAP TRITI HAK ASASI MANUSIA
ANTARABANGSA**

NORAZLINA BINTI MOHAMED AZMI

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**HUKUMAN REJAM MENURUT KANUN JENAYAH
SYARIAH DI NIGERIA DAN IMPLIKASINYA
TERHADAP TRITI HAK ASASI MANUSIA
ANTARABANGSA**

NORAZLINA BINTI MOHAMED AZMI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Rejam merupakan salah satu daripada hukuman hudud yang terkandung di dalam perundangan Islam khusus untuk pesalah zina yang telah berkahwin. Di Nigeria, selepas pengenalan semula undang-undang syariah pada tahun 1999 hingga tahun 2000, terdapat 12 negeri yang melaksanakan undang-undang Islam secara sepenuhnya termasuk memperkenalkan hukuman jenayah Islam seperti rejam dan sebat. Persoalan kajian di sini melibatkan konteks hukuman rejam dan pelaksanaannya terhadap pesalah zina muhsan yang menghadapi pelbagai cabaran dan halangan terutama dalam konteks agenda hak asasi manusia. Ini memandangkan Nigeria adalah sebuah negara yang aktif menandatangani triti antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Namun hukuman rejam ini mendapat banyak bantahan dan kritikan dari pelbagai pihak baik masyarakat tempatan mahupun antarabangsa. Secara khususnya, kajian ini mengkaji dan menganalisis lapan (8) kes rejam yang pernah dijatuhkan oleh mahkamah syariah di beberapa negeri di Nigeria, namun tidak dapat dilaksanakan atas faktor-faktor tertentu, termasuk kejayaan di peringkat rayuan dan juga bantahan daripada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini berdasarkan kajian kes dan kaedah perpustakaan di samping sumber-sumber sampingan seperti internet dan statut. Hasil kajian mendapati bahawa kegagalan pelaksanaan rejam di Nigeria terdorong oleh dua faktor: 1) kegagalan di dalam percubaan membawa masuk triti antarabangsa, dan 2) kelemahan sistem keadilan syariah di Nigeria itu sendiri yang gagal menguruskan prosedur dan kaedah pembuktian sabit kesalahan dengan baik dan bersistematik.

ABSTRACT

Stoning is one of the hudud punishments contained in the Islamic legislation specific for married offenders who commit adultery. In Nigeria, after the reintroduction of the sharia laws in 1999 until 2000, there were 12 states that fully implemented the Islamic laws which included the introduction of the Islamic criminal penalties like stoning and caning. The issue surrounding this study involves stoning context and its execution on married adultery offenders facing various main challenges and obstacles within the context of human rights agenda. This is in view of the fact that Nigeria is an actively signatory country of international treaties related to human rights. However stoning received wide protests and criticism from both local and international communities. In particular, this study reviews and analyzes eight (8) stoning cases decided by Sharia courts of some states in Nigeria, but could not be implemented based on certain factors, including successful appeals and also protests from the local and international communities. The methodology used in this study is based on case studies and library which is the main source apart from the other secondary from the internet sources and statutes. Result of the study shows that the failure in the stoning implementation in Nigeria was motivated by two factors: 1) failure in its effort to bring in international treaties, and 2) the weakness in the Nigerian justice system that failed to manage procedure and proof of conviction in a good and systematic manner.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Pertama sekali, saya ingin melahirkan syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas segala petunjuk dan hidayah-Nya. Alhamdulillah, disertasi ini berjaya disiapkan dengan ilham, kurnia dan petunjuk yang telah dianugerahkan oleh-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi besar kita Muhammad S.A.W, ahli keluarganya, seterusnya kepada para sahabat Baginda dan para tabi'in, para alim ulama sehinggalah kepada sekalian hamba-hamba Allah S.W.T yang mengikuti jejak langkah mereka.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Siti Zubaidah binti Ismail selaku penyelia yang terlalu banyak membantu, membimbing dan juga sebagai pemudahcara saya sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar yang begitu jitu dan padu daripada beliau, mana mungkin saya dapat menghasilkan kajian disertasi ini dengan begitu baik. Tidak lupa juga jutaan penghargaan diucapkan kepada kedua ibubapa saya yang tersayang iaitu Mohamed Azmi bin Rajion dan Noor Marsiah binti Che Bi juga kepada insan yang banyak memberi dorongan iaitu Syed Zulkifli bin Syed Abd Rahman dan isteri Azmah binti Rajion serta sahabat-sahabat yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian disertasi ini. Jutaan terima kasih diucapkan.

Semoga Allah S.W.T memberikan ganjaran pahala yang besar kepada semua hamba-hamba-Nya yang sentiasa membantu dalam menegakkan agama-Nya. Amin.

Norazlina Binti Mohamed Azmi

azlinaaz00@yahoo.com.my

azlinaaz00@gmail.com

013-3172195

ISI KANDUNGAN

| | |
|-----------------------|-----|
| PENGAKUAN | ii |
| ABSTRAK | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| ISI KANDUNGAN | vi |
| SENARAI KES | xi |
| SENARAI STATUT | xii |

BAB 1 PENDAHULUAN

| | | |
|-----|-------------------|---|
| 1.1 | Latar Belakang | 1 |
| 1.2 | Objektif Kajian | 4 |
| 1.3 | Persoalan Kajian | 5 |
| 1.4 | Skop Kajian | 6 |
| 1.5 | Metodologi Kajian | 6 |
| 1.6 | Kajian Literatur | 8 |

BAB II SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM DI NIGERIA DAN PERLAKSANAAN SYARIAH DI NIGERIA UTARA

| | | |
|----------|--|----|
| 2.1 | Sepintas Lalu | 11 |
| 2.2 | Perkembangan Syariah di Utara Nigeria | 13 |
| 2.3 | Undang-undang Kanun Jenayah Syariah Nigeria | 15 |
| 2.4 | Aplikasi Penerapan Undang-undang Syariah di Borno | 15 |
| 2.4.1 | Peruntukan Penerapan Undang-undang Syariah di Borno | 16 |
| 2.4.1(a) | Syarat Penerapan Undang-undang Syariah di Borno | 17 |

| | | |
|----------------|---|----|
| 2.4.2 | Sistem Mahkamah di Negara Borno | 20 |
| 2.5 | Aplikasi Undang-undang Syariah di Sokoto | 22 |
| 2.5.1 | Peruntukan Penerapan Undang-undang Syariah di Sokoto | 23 |
| 2.5.2 | Sistem Mahkamah di Sokoto | 23 |
| 2.6 | Aplikasi Penerapan Undang-undang Syariah di Zamfara | 24 |
| 2.6.1 | Peruntukan Penerapan Undang-undang Syariah di Zamfara | 25 |
| 2.6.2 | Sistem Mahkamah di Zamfara | 27 |
| 2.7 | Aplikasi Penerapan Undang-undang Syariah di Katsina | 28 |
| 2.7.1 | Peruntukan Penerapan Undang-undang Syariah di Katsina | 28 |
| 2.8 | Hubungan Undang-undang Jenayah Syariah Nigeria Dengan Undang-undang Antarabangsa | 32 |
| | | |
| BAB III | KANUN JENAYAH SYARIAH DAN PERUNTUKAN HUKUMAN REJAM DI NIGERIA | |
| 3.1 | Pengenalan Semula Kanun Jenayah Syariah Nigeria | 34 |
| 3.2 | Peruntukan undang-undang hukuman rejam sedia ada di Nigeria | 35 |
| 3.2.1 | Peruntukan undang-undang bagi kesalahan Zina | 36 |
| 3.2.2 | Peruntukan undang-undang bagi kesalahan Liwat | 39 |
| 3.2.3 | Peruntukan undang-undang bagi kesalahan Rogol | 41 |
| 3.2.4 | Peruntukan undang-undang bagi kesalahan Sumbang Mahram | 43 |

BAB IV KES-KES BERKAITAN HUKUMAN REJAM DAN PENGLIBATAN TRITI ANTARABANGSA

| | | |
|----------|---|----|
| 4.1 | Kes-kes berkaitan hukuman rejam dan pemakaian triti antarabangsa | 45 |
| 4.1.1 | Saffiya Hussaini | 47 |
| 4.1.1(a) | Latar Belakang Kes Dan Strategi Pembelaan Terhadap Kes Safiya Hussaini | 48 |
| 4.1.1(b) | Keputusan Selepas Rayuan Dan Sebab Pembatalan Rejam Ke Atas Saffiya Hussein | 50 |
| 4.1.2 | Amina Lawal : Latar Belakang Kes | 51 |
| 4.1.2(a) | Analisis Strategi Pembelaan Ke Atas Amina Lawal | 53 |
| 4.1.2(b) | Keputusan Kes Setelah Rayuan | 56 |
| 4.1.3 | Fatimah Usman dan Ahmadu Ibrahim | 56 |
| 4.1.4 | Jibrin Babaji | 61 |
| 4.1.5 | Attahiru Umaru | 63 |
| 4.1.6 | Sarimu Mohammed Baranda | 63 |
| 4.1.7 | Hafsatu Abu Bakar | 64 |
| 4.1.8 | Maryam Abu Bakar Bodinga | 66 |
| 4.1.8(a) | Kronologi Kes | 67 |
| 4.2 | Analisis Kes-kes Hukuman Rejam di Nigeria | 67 |

**BAB V RESPON MASYARAKAT TEMPATAN DAN
ANTARABANGSA TERHADAP PELAKSANAAN REJAM
DI NIGERIA**

| | | |
|-------|---|----|
| 5.1 | Respon Ahli Akademik Terhadap Pelaksanaan Hukuman Rejam di Nigeria | 69 |
| 5.2 | Respon Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) Terhadap Pelaksanaan Hukuman Rejam di Nigeria | 71 |
| 5.3 | Respon Antarabangsa Terhadap Hukuman Rejam di Nigeria | 73 |
| 5.4 | Respon Golongan Feminin Terhadap Hukuman Rejam di Nigeria | 75 |
| 5.4.1 | Kekejaman dan Diskriminasi Terhadap Golongan Wanita | 76 |
| 5.4.2 | Merendahkan Martabat Wanita Berbanding Dengan Lelaki | 78 |
| 5.4.3 | Pelanggaran Hak Asasi Manusia | 79 |
| 5.4.4 | Brutal | 81 |
| 5.4.5 | Pensabitan Pembuktian yang Tidak Relevan dan Berat-sebelah | 81 |
| 5.4.6 | Penghukuman Rejam Tidak Mengikut Syariat dan Landasan Islam | 82 |
| 5.5 | Kesimpulan | 84 |

| | | |
|---------------|--|-----|
| BAB VI | IMPLIKASI HUKUMAN REJAM TERHADAP HAK ASASI MANUSIA DI NIGERIA | |
| 6.1 | Implikasi Positif Hukuman Rejam Terhadap Hak Asasi Manusia di Nigeria | 86 |
| 6.1.1 | Triti Antarabangsa Merupakan Pertubuhan Undang-undang Sah Yang Wajib Digunakan Kepada Pihak Yang Menandatangani | 87 |
| 6.1.2 | Menjaga Kepentingan Individu Agar Diberi Hak Yang Adil Untuk Merayu Dan Menarik Balik Pengakuan Yang Dibuat | 88 |
| 6.1.3 | Menjaga Keseimbangan Jantina Agar Hak Wanita Turut Terpelihara Serta Menjamin Hak Pengakuan Tertuduh Dari Unsur Berat-sebelah (<i>Bias</i>) | 89 |
| 6.2 | Implikasi Negatif Hukuman Rejam Terhadap Hak Asasi Manusia di Nigeria | 91 |
| 6.3 | Analisis Implikasi Hukuman Rejam Terhadap Hak Asasi manusia di Nigeria | 92 |
| 6.4 | Islam Menjamin Hak Asasi Manusia Sejagat | 95 |
| 6.4.1 | Perbezaan Matlamat dan Tujuan Hak Asasi Manusia Dari Perspektif Syariah Berbanding Pemikiran Barat | 99 |
| | BIBLIOGRAFI | 102 |
| | APENDIKS | 106 |

SENARAI KES

Amina Lawal v. The State (2002) KTS/SCA/FT/86/2002.

Fatimah Usman and Ahmadu Ibrahim v. The State (2002).

Saffiyatu Hussaini v. The State (2001) USC/GW/CR/FI/10/2001.

Jibrin Babaji v. The State (2003)

Attahiru Umaru v. The State (2001)

Sarimu Mohammed v. The State (2002)

Hafsatu Abu Bakar v. The State (2002)

Maryam Abu Bakar v. The State (2002)

SENARAI STATUT

Sharia Penal Code Law of Nigeria, 1960 (Section 93(1))

Harmonised Sharia Penal Code Law of Nigeria, 2000 (Section 125-130)

Sharia Penal Code of Katsina, 2001 (Section 127)

Universal Declaration of Human Rights, 1948 (Perkara 2 dan Perkara 3)

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Hukuman rejam merupakan salah satu bentuk hukuman hudud yang terkandung di dalam perundangan Islam dan ia juga pernah dilaksanakan dari zaman Rasulullah S.A.W¹ dan zaman para sahabat sehinggalah ke zaman ini. Hukuman rejam sememangnya telah lama diperkenal dan dilaksanakan dalam sejarah peradaban manusia suatu ketika dahulu sama ada untuk menegakkan keadilan ataupun untuk melaksanakan hukuman. Terdapat beberapa ayat dalam kitab Taurat tentang pelaksanaan hukuman rejam ke atas orang berkahwin yang melakukan kesalahan zina. Nabi Muhammad S.A.W sendiri pernah menanyakan kepada pasangan Yahudi yang telah melakukan zina sama ada terdapat hukuman bersesuaian dalam kitab Taurat terhadap kesalahan bagi sesiapa yang melakukan kesalahan zina.² Menurut pasangan Yahudi tersebut terdapat dalam kitab Taurat yang menyatakan bahawa rejam merupakan hukuman terhadap kesalahan zina muhsan. Maka Rasulullah menjatuhkan hukuman rejam ke atas keduanya. Ini jelas membuktikan bahawa hukuman rejam telah lama dipraktikkan bahkan digunapakai oleh kaum Yahudi sebelum kedatangan Rasulullah S.A.W. Hal ini boleh dibuktikan oleh dalil berikut:

¹ *Al-Syawkani, Nayl Al- Awtar, 249-259.* Sabit dengan hadith-hadith sahih, bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruh supaya merejam Maiz ketika dia mengakui berzina setelah mengulangi pengakuan melakukan zina sebanyak 4 kali.

² Hadith Shahih Riwayat Abu Daud, 4452-3740. Hadith ini menceritakan mengenai sepasang pasangan yahudi yang melakukan kesalahan zina dan dipertanyakan oleh Rasulullah S.A.W berkenaan hukuman zina di dalam kitab Taurat mereka.

Dari Ibnu Umar R.A meriwayatkan katanya:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُؤَمَّرٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجَمَ يَهُودِيَيْنِ أَنَا فِيْمَنْ رَجَمَهُمَا فَلَقَدْ رَأَيْتُهُ وَإِنَّهُ يَسْتُرُهَا مِنَ الْحِجَارَةِ. (الصحيح)

Maksudnya: Bahawasanya Nabi S.A.W telah merejam dua orang Yahudi dan aku adalah di antara orang yang merejam kedua-duanya dan sesungguhnya aku melihat lelaki Yahudi melindungi perempuan Yahudi dari batu.³

Dari Jabir bin Abdullah R.A meriwayatkan katanya:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ حَسَنِ الْمِصِّصِيُّ حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ جُرَيْجٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا الزُّبَيْرِ سَمِعَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ رَجَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مِنَ الْيَهُودِ وَأَمْرَأَةً زَنِيًّا. (الصحيح)

Maksudnya: Rasulullah S.A.W telah melakukan hukuman rejam ke atas seorang lelaki dan wanita yahudi yang telah berzina.⁴

Terdapat beberapa buah negara seperti Sudan, Iran, Pakistan dan Arab Saudi yang memperuntukkan hukuman rejam sebagai salah satu bentuk hukuman negara itu. Di Nigeria, terutama bagi negeri-negeri di bahagian utara yang kebanyakannya bermazhab Maliki, adalah sebuah negara yang meraikan undang-undang yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah juga merupakan salah satu negara yang mengenakan hukuman rejam bagi kesalahan seperti kes zina, liwat, rogol dan sumbang mahram.⁵ Selain itu, Nigeria juga

³ Hadith Riwayat Al-Bukhari, Shahih Al-Bukhari, *Al-Janais*, 1264, *Al-Manaqib*, 3436, *Al-Hudud*, 6433/6450, Shahih Muslim, *Al-Hudud*, 1699, Sunan Ibnu Majah, *Al-Hudud*, 2556.

⁴ Hadith Riwayat Muslim, *Kitab Al-Hudud*, 1701, dan Sunan Abu Daud, *Kitab Al-Hudud*, 4455, Musnad Ahmad, *Baqi Musnad Al-Mukhtarin*, 3/387.

⁵ *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Chapter 8 Hudud and Hudud-Related Offences. Centre For Islamic Legal Studies Ahmadu Bello University Zaria, March 2002.

merupakan sebuah negara yang sangat meraikan prinsip hak asasi manusia dan banyak menandatangani perjanjian dengan triti antarabangsa berkenaan dengan hak asasi manusia di Nigeria.

Walaupun, pelaksanaan hukuman rejam di Nigeria secara tidak langsung menimbulkan kontroversi khususnya dalam konteks hak asasi manusia di Nigeria. Jika diperhatikan di sini, terdapat beberapa permasalahan kajian yang dapat disimpulkan melalui pertembungan hak asasi manusia di Nigeria dan pelaksanaan rejam di Nigeria di antaranya: 1) Impak hukuman rejam terhadap triti antarabangsa, dan implikasi positif dan negatifnya terhadap triti tersebut, 2) Impak triti antarabangsa terhadap kes hukuman rejam di Nigeria dan sama ada triti antarabangsa merupakan faktor utama penentu perubahan keputusan mahkamah Syariah di Nigeria dalam membatalkan hukuman rejam, 3) Menyatakan respon dan bantahan terhadap hukuman rejam di Nigeria dalam konteks diskriminasi terhadap golongan wanita dan 4) Sebagai sebuah negara yang diketahui banyak menandatangani triti antarabangsa dan perlukah Nigeria patuh terhadap triti serta melupakan undang-undang Syariah yang merupakan sebahagian daripada undang-undang negaranya.

1.2 Objektif kajian

1. Mengupas sejarah Islam di Nigeria dan perkembangan Syariah di Nigeria Utara.
2. Membincangkan peruntukan undang-undang sedia ada yang mensabitkan hukuman rejam dan mensabitkan pembuktian hukuman rejam di Nigeria.
3. Mengkaji respon dan bantahan terhadap hukuman rejam di Nigeria.
4. Menganalisis kes-kes yang dikenakan hukuman rejam di Nigeria yang mendapat perhatian antarabangsa seperti triti hak asasi manusia sejagat di Nigeria.
5. Mengenalpasti implikasi pengaruh triti antarabangsa terhadap pelaksanaan hukuman rejam di Nigeria.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah perkembangan Islam di Nigeria dan bagaimanakah Syariah menjadi sebahagian undang-undang di Nigeria Utara?
2. Apakah peruntukan undang-undang sedia ada yang mensabitkan hukuman rejam dan bagaimanakah mensabitkan pembuktian hukuman rejam di Nigeria?
3. Bagaimanakah respon dan bantahan terhadap hukuman rejam di Nigeria.
4. Apakah kes-kes yang dikenakan hukuman rejam di Nigeria yang mendapat perhatian antarabangsa seperti triti hak asasi manusia sejagat di Nigeria?
5. Apakah implikasi pengaruh triti antarabangsa terhadap pelaksanaan hukuman rejam di Nigeria?

1.4 Skop Kajian

Skop kajian bagi penyelidikan ini tertumpu kepada beberapa skop penting yang berikut:

- a) Negeri-negeri di bahagian Nigeria Utara yang mengguna pakai Kanun Jenayah Syariah Nigeria sahaja.
- b) Kes-kes rejam Nigeria yang terlibat dari tahun 2000 dan ke atas.
- c) Melibatkan triti-triti yang dominan sahaja seperti *Universal Declaration of Human Rights*, *The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* dan *International Covenant on Civil and Political Rights*.

1.5 Metodologi/ Kaedah Kajian

- a) Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data seperti berikut:
 - i. Kajian perpustakaan
 - ii. Pencarian internet/ laman sesawang (*Website*)
 - iii. Kajian kes
- b) Analisis Data:
 - i. Analisis kandungan digunakan untuk:
 - a. Memahami kes dan fakta kes
 - b. Mengetahui latar belakang kes

- c. Hukuman yang dikenakan
 - d. Strategi pembelaan kes
 - e. Keputusan kes setelah melalui proses rayuan
- ii. Analisis deskriptif: Analisis deskriptif data meliputi penjelasan dan penghuraian data secara penelitian kajian kes yang melibatkan hukuman rejam di Nigeria, seperti tarikh penangkapan kes, tarikh perbicaraan kes, tarikh rayuan kes dan sebagainya.
 - iii. Analisis komparatif: Analisis komparatif data meliputi perbandingan sesuatu data kajian kes di Nigeria, seperti perbandingan sesuatu perbezaan hukuman di beberapa negeri di Nigeria, pensabitan pembuktian ketika kes itu disabitkan samaada mempunyai perbezaan di antara negeri-negeri di Nigeria.

Selain itu, penggunaan artikel-artikel ilmiah dan penggunaan statut juga digunakan untuk melengkapkan kajian ini.

Kajian Literatur

Rochelle Terman dan Mufuliat Fijabi (2010), menyatakan bahawa rejam adalah satu bentuk penyeksaan yang kejam dan melanggar hak asasi manusia kerana digunakan untuk menyeksa lelaki dan wanita atas kesalahan zina dan apa-apa yang berkaitan dengan hubungan seksual yang tidak wajar. Teori beliau berlandaskan bahawa pelanggaran hak asasi manusia ini dicirikan oleh diskriminasi jantina dan proses kehakiman yang tidak adil. Contohnya, berbangkit kepada isu rogol di mana pihak perempuan yang mendakwa diri mereka dirogol akhirnya mereka disabitkan zina dan dihukum rejam sampai mati. Mohammad Omar Farooq (2006) mengulas bahawa proses kehakiman yang tidak adil terhadap mangsa rogol dan perlu mendatangkan empat orang saksi menyebabkan mereka gagal membuat tuntutan untuk melaporkan situasi mereka dirogol adakah menjadi faktor penyebab utama berlakunya pemerkosaan berleluasa. Selain itu, kegagalan tuntutan ini membawa mereka kepada tuduhan berzina dan dikenakan hukuman rejam sampai mati. Tetapi di dalam kajian mereka ini tidak menyatakan penghukuman rejam yang dijatuhkan sebenarnya tidak berlandaskan/ menepati ciri-ciri Syariat Islam yang sepatutnya.

Hauwa Ibrahim , Lyman, Princeton N., (2004), mengatakan kontroversi yang timbul atas dasar tekanan daripada triti globalisasi melalui penggunaan Kanun Keseksaan Undang-undang Syariah di Nigeria boleh menimbulkan kebimbangan bahawa kanun keseksaan ini merupakan suatu pelanggaran hak asasi manusia, dan tidak berperikemanusiaan kerana sistem undang-undang Nigeria, Kanun Keseksaan Undang-undang Syariah telah menimbulkan persoalan mengenai kepastian undang-undang, keluhuran undang-undang, pemisahan antara negara dan agama, dan piawaiian ketat terhadap keterangan dan bukti. Pendapat ini dipersetujui oleh Ali A. Mazrui (2001), yang beliau juga berpendapat bahawa penggunaan kanun keseksaan ini boleh membawa kepada pemisahan antara agama dengan

undang-undang, dan ia juga boleh membawa kepada pemisahan antara etnik dengan budaya. Menurut kajian di atas, saya ingin menambahkan di dalam kajian saya ini mengenai respon masyarakat lokal dan antarabangsa terhadap Kanun Jenayah Syariah Nigeria adakah dipastikan melanggar hak asasi manusia atau sebaliknya.

Mosunmola Oluwatoyin Imasogie (2010), mengatakan walaupun perempuan Nigeria berada di bawah statut, namun diskriminasi terhadap perempuan membahayakan amalan budaya dan layanan terhadap mereka di Nigeria. Ini kerana kebanyakan kes rejam yang wujud di Nigeria melibatkan kaum perempuan, dan boleh menjauhkan jurang antara jantina, pendapat ini juga dinyatakan oleh A.A. Bello bahawa perlakuan sikap mahkamah syariah Nigeria terhadap kaum perempuan seperti mendiskriminasikan golongan perempuan boleh menyebabkan berbangkitnya isu *bias* atau berat-sebelah. Contohnya, diskriminasi ini berlaku dalam kes Amina Lawal, yang dijatuhkan hukuman rejam tanpa sebarang hak pembelaan dan pengetahuan terhadap hak-hak asasi wanita. Hal ini juga dipersetujui oleh Chioma Daisy Ebeniro (2011), yang mengatakan bahawa pelanggaran hak asasi wanita jelas melanggar prinsip kemanusiaan dan perlu ditangani dengan segera. Menurut kenyataan berikut, saya ingin menambah dalam kajian saya mengenai kajian kes-kes hukuman rejam di Nigeria yang melibatkan kaum perempuan seperti Amina Lawal dan Saffiya Husseini untuk mengkaji adakah terdapat unsur pelanggaran hak-hak wanita di Nigeria.

Oluwakemi Adesina (2010) mengatakan, perkembangan terkini dalam kajian mengenai perempuan dalam masyarakat Islam telah menekankan kesaksamaan jantina dan keserasian Islam dengan pembebasan dan keadilan sosial perempuan sebagai mandat dalam Al-Quran. Namun apabila menyentuh berkenaan kedua-dua kes rejam terhadap perempuan Nigeria seperti kes Saffiya Hussaini dan kes Amina Lawal, lelaki yang menyebabkan kedua-dua perempuan ini hamil telah dilepaskan dan dibebaskan atas dasar bukti tidak kukuh, sebaliknya kedua-dua perempuan ini dihukum rejam kerana sabit bukti zina dengan kehamilan dan pastinya kehamilan disabitkan pula dengan perempuan. A.A.Bello juga mengulas bahawa isu berat-sebelah jantina ini perlu diberi perhatian serius di Nigeria, walaupun diskriminasi terhadap perempuan tidak wujud dalam parameter undang-undang jenayah Islam, namun hal ini boleh mendatangkan ancaman bahaya kepada sistem perundangan Syariah di Nigeria. Kesimpulannya, pelanggaran hak asasi manusia sama ada dalam bentuk diskriminasi, *torture* dan lain-lain, perlu dilihat dari segi kaca mata Islam dan tidak boleh diambil secara bulat-bulat dari Barat, namun saya akan mengembangkan kajian saya ini yang tidak ada di dalam mana-mana kajian sebelum ini mengenai implikasi hukuman rejam terhadap hak asasi manusia di Nigeria, di mana saya akan mengulas implikasi tersebut mendatangkan kesan positif ataupun negatif.

BAB II

SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM DI NIGERIA DAN PERLAKSANAAN SYARIAH DI NIGERIA UTARA

Pengenalan

Bab II ini menghuraikan sejarah perkembangan Islam dan pelaksanaan Syariah di Utara Nigeria pada 1999 iaitu sekitar sebelum dan selepas pengenalan semula Syariah. Topik ini akan mengupas bagaimana Islam berkembang di Nigeria dan bagaimana Islam membina sebuah undang-undang Syariah di bahagian utara negara tersebut. Ia menjawab persoalan sama ada undang-undang Syariah merangkumi aspek perkahwinan, muamalat dan adat-istiadat Islam negara itu atau ianya hanya tertumpu pada bahagian jenayah.

2.1 Sepintas Lalu

Islam yang dianut oleh 50%⁶ daripada keseluruhan penduduk Nigeria mempunyai sejarah yang sangat panjang, dan hampir menguasai seluruh Nigeria pada abad ke-11 sehingga abad ke-19, sebelum penjajahan Inggeris yang menguasai Nigeria, khususnya utara Nigeria. Penyebaran Islam di Nigeria bermula sejak abad kesebelas apabila ia pertama kali muncul di Borno di sebelah timur laut Nigeria. Kemudian Islam muncul di Hausa di sebelah barat laut dan pengaruhnya terbukti di Kano dan Katsina. Ketika itu, Islam merupakan agama yang tersebar secara aman oleh para ulama dan pedagang Muslim. Pada

⁶ *CIA – The World Factbook – Nigeria*, <http://news.bbc.co.uk/1/hi/world/africa/6508055.stm> di akses pada 25 Jun 2013, *Mapping out the Global Muslim Population* <http://www.pewforum.org/newassets/images/reports/Muslimpopulation/Muslimpopulation.pdf> di akses pada 25 Jun 2013.

separuh kedua abad kelapan belas kebangkitan Islam telah berlaku di barat Afrika, melalui orang Fulani, yang telah menetap dan memeluk Islam, telah memainkan peranan penting. Di utara Nigeria, ulama Fulani seperti Uthman dan Fodio melancarkan jihad pada 1804 yang berlangsung selama enam tahun, yang bertujuan untuk memulihkan dan membersihkan Islam, untuk menghapuskan kepercayaan *syncretist* dan ritual, untuk menghapuskan semua pembaharuan yang bertentangan dengan al-Quran dan Syariah, dan untuk menggalakkan umat Islam untuk kembali kepada ortodoks dan Islam yang suci. Walau bagaimanapun, revolusi agama ini juga mempunyai unsur politik dari segi pembentukan dan konflik negeri. Ianya untuk menyatukan negeri Hausa di bawah satu undang-undang Syariah. Pada 1812 dinasti Hausa menjadi sebahagian daripada negara Islam atau khalifah Sakoto. Khalifah Sakoto berakhir dengan perpecahan pada 1903 apabila British menjajah seluruh Nigeria dan kuasa Sultan telah dipindahkan kepada Pesuruhjaya Tinggi. Walau bagaimanapun, banyak aspek struktur khalifah, termasuk sistem undang-undang Islam, disimpan dan dibawa ke hadapan ketika pascazaman penjajah.⁷

Ketika zaman penjajahan British di Nigeria berakhir pada tahun 1960, satu usaha baharu penyebaran Islam telah dirancang oleh Ahmadu Bello (1910-1966), Perdana Menteri Wilayah Utara selepas kemerdekaan Nigeria, dengan mewujudkan program pengislaman di wilayah Zaria dan Niger. Namun, rampasan kuasa tentera pada 1966, yang meragut nyawa ramai ahli politik termasuk Ahmadu Bello, membawa program pengislaman beliau berakhir secara mendadak tetapi 1970 menyaksikan kerajaan yang berterusan memihak kepada dasar penguasaan Islam. Sejarah Nigeria telah menunjukkan

⁷Islam in Nigeria, African Studies Centre, <http://www.ascleiden.nl/?q=content/webdossiers/islam-nigeria#History of Islam in Nigeria>. Di akses pada 13 Februari 2013.

bahawa Islamisasi adalah lebih mudah di bawah pemerintahan diktator tentera dan Islam mudah tersebar dengan lebih cepat di bawah pemerintahan tentera.⁸

2.2 Perkembangan Syariah di Nigeria Utara

Umat Islam di Nigeria mempunyai semangat jihad yang tinggi untuk memperjuangkan dan melaksanakan Syariah di Nigeria, khususnya di utara Nigeria, dan tokoh yang paling terkenal untuk memperjuangkannya ialah Ahmadu Bello (1910-1966)⁹. Nigeria mempunyai 36 negeri, dan 12 daripada mereka (di sebelah utara) menginginkan undang-undang Syariah sebagai pelaksanaan undang-undang. Dua belas negeri tersebut ialah: Sokoto, Zamfara, Katsina, Kano, Jigawa, Yobe, Borno, Kebbi, Niger, Kaduna, Bauchi dan Gombe. Sehingga kini kedua-dua belas negeri tersebut mengaplikasi syariah sebagai sebahagian daripada undang-undang mereka merangkumi aspek kekeluargaan, muamalat, hukuman jenayah dan hal ehwal sivil.

Isa Abdulsalam¹⁰, seorang ilmuwan muslim yang menjadi penasihat pemerintah negeri Kano, mengatakan bahawa pelaksanaan hukum Islam (Syariah) yang diangkat dari berbagai teks hukum Islam (al-Qur'an dan Hadis), merupakan suatu keuntungan kerana berlaku sistem demokrasi di Nigeria. Begitu juga ketika penjajahan British, hukum Syariah

⁸ Ibid., Islam in Nigeria.

⁹ Ahmadu Bello (12 Jun 1910 – 15 Januari 1966), merupakan seorang ahli politik Nigeria, dan merupakan perdana menteri pertama rantau Nigeria Utara 1954-1966. Beliau merupakan Sarduna Sokoto dan salah seorang pemimpin terkemuka di Utara Nigeria bersama Abubakar Tafawa Balewa, kedua-duanya adalah penting dalam rundingan mengenai tempat di rantau ini dalam membebaskan Nigeria. Sebagai pemimpin Kongres Utara Rakyat, beliau menguasai politik Nigeria di seluruh Persekutuan Nigeria awal dan Republik Nigeria Pertama.

¹⁰ Isa Abdulsalam, seorang ahli akademik dan merupakan penasihat kepada negeri Kano untuk memperkenalkan pengenalan semula undang-undang Syariah di negeri Kano.

masih juga dilaksanakan, namun setelah kemerdekaan 1960 hukum Syariah hanya dilaksanakan untuk kes sivil sahaja.

Majoriti penduduk muslim di utara Nigeria menyatakan bahawa sebelum perlaksanaan hukum Syariah di negeri mereka, keadilan tidak pernah tercapai, penjenayah bebas berleluasa dan polis juga tidak berupaya. Namun dengan penerapan hukum Syariah penjenayah akan berasa bimbang dan takut untuk melakukan kesalahan.

Walaupun pemerintah negeri di utara Nigeria khususnya gabenor Zamfara, Alhaji Ahmad Rufai Sani (1960),¹¹ dan sebahagian besar masyarakatnya bersetuju dengan penerapan hukum Syariah, namun timbul tentangan yang hebat daripada penganut Kristian dan Barat sehingga membawa kepada pembunuhan ratusan penduduk, baik daripada kalangan Kristian mahupun Islam di Zamfara, Kano dan Sokoto. Pertikaian terus berlaku sehingga mengheret kepada pembakaran masjid mahupun gereja. Inilah yang diinginkan oleh mereka yang tidak menyukai hukum Syariah dan tidak mahu ia dilaksanakan di Nigeria, bahkan di utara Nigeria sekalipun.

Perjuangan 12 negeri di utara Nigeria untuk menerapkan hukum Syariah memang terlalu berat, dan pasti akan menghadapi tentangan yang hebat daripada dunia antarabangsa, khususnya Barat dan sekutunya. Namun negeri-negeri di utara Nigeria tetap gigih dengan pendirian mereka untuk menerapkan hukum Syariah yang mendapat perlindungan Perlembagaan Negara Persekutuan Nigeria.

¹¹ Alhaji Ahmed Rufai Sani Yerima (dilahirkan pada 22 Julai 1960) adalah Gabenor Zamfara State, Nigeria dari Mei 1999 hingga Mei 2007, dan kini merupakan Senator untuk Zamfara Barat. Beliau merupakan ahli Parti Rakyat Semua Nigeria (ANPP).

2.3 Undang-undang Kanun Jenayah Syariah Nigeria

Di Nigeria, selepas mencapai kemerdekaan daripada penjajahan Inggeris, Nigeria mempunyai undang-undang kanun jenayahnya tersendiri, iaitu Undang-Undang Jenayah Syariah 1960. Walaubagaimanapun undang-undang kanun ini tidak lagi digunakan disebabkan Nigeria masih menggunakan *Common Law* dari peninggalan orang Inggeris, manakala hal ehwal Islam di Nigeria hanya tertumpu pada hal sivil sahaja seperti hal perkahwinan, harta pusaka dan lain-lain kecuali jenayah. Keadaan ini kekal dan berterusan sehingga rakyat di Nigeria mulai sedar tentang perlunya Undang-undang Kanun Syariah menjadi sebahagian daripada Perlembagaan Nigeria.

Oleh itu, pada tahun 1999, pendekatan baharu telah dibuat oleh kerajaan Nigeria untuk memperkenalkan semula hukum Syariah, yang memasukkan sistem jenayah Syariah sebagai sebahagian daripada undang-undang di Nigeria. Dimulai dengan Zamfara pada tahun 1999 lalu diikuti oleh sebelas negeri utara Nigeria yang lain.¹² Perkara ini akan dibahasakan di dalam sub topik yang akan datang.

Perbincangan diteruskan mengenai aplikasi penerapan dan peruntukan perlembagaan di beberapa negeri bahagian utara Nigeria iaitu Borno, Sokoto, Zamfara dan Katsina sebagai sokongan terhadap pelaksanaan Syariah di Nigeria.

¹² Sebelas negeri utara yang lain: Kano, Kebbi, Jigawa, Sokoto, Yobe, Bauchi, Katsina, Gombe, Niger, Borno dan Kaduna.

2.4 Aplikasi Penerapan Undang-undang Syariah di Borno

Majoriti ulama menyokong pelaksanaan Syariah di Borno. Namun, mereka berhujah untuk meneliti dari aspek kejahilan, kemiskinan dan sebab-sebab keruntuhan moral masyarakat tempatan adakah sesuai atau tidak untuk dilaksanakan Undang-undang Syariah di negeri itu. Menurut pendapat sebahagian mereka syariah harus dilaksanakan secara berperingkat. Mereka juga menyokong kepada integrasi Sangaya¹³ dalam pendidikan formal al-Quran dan sekolah Islamiyyah kepada sistem formal dan dibiayai oleh kerajaan di bawah program Pendidikan Asas Sejagat.

Sebahagian besar daripada mereka menyokong tafsiran syariah harus berdasarkan kepada Maliki “*School of Law*”. Mereka menyeru kepada kerajaan untuk mereformasikan sistem Mahkamah Daerah sedia ada supaya ia bersesuaian dengan syariah iaitu dengan meninjau kelayakan para hakim dan memastikan kecekapan mereka kekal berkualiti dan baik, manakala mereka yang tidak memenuhi syarat dan tidak cekap perlu untuk bersara.

Apa yang menjadi masalah di Borno adalah Persatuan Kristian Nigeria yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang Islam di negeri tersebut. Namun, penerapan undang-undang Islam tetap diaplikasikan secara menyeluruh di samping penubuhan undang-undang adat untuk melayani kepentingan penganut agama lain di Nigeria.

¹³ Integrasi Sangaya diambil semperna nama Sangaya yang merupakan salah satu bandar yang terdapat di Nigeria Utara. Integrasi ini menekankan ciri-ciri penerapan pendidikan Islam yang dibiayai oleh Kerajaan Nigeria.

2.4.1 Peruntukan Penerapan Undang-undang Syariah di Borno

Peruntukan perlembagaan dan undang-undang yang berkaitan dengan penerapan Syariah di Borno mempunyai beberapa syarat:¹⁴

2.4.1(a) Syarat Penerapan Undang-undang Syariah di Borno

Syarat perlembagaan berikut cenderung untuk membenarkan pelaksanaan syariah di Borno:¹⁵

- (i) Seksyen 38 Perlembagaan 1999: Seksyen ini memperuntukkan kebebasan pemikiran, perasaan hati dan beragama, serta menunjukkan dengan jelas dan menyebarkan agama atau kepercayaan seseorang dalam ibadat, ajaran dan pematuhan.¹⁶
- (ii) Seksyen 4 Subseksyen (7) Perlembagaan 1999: Seksyen ini memberi kuasa kepada mana-mana Dewan Negeri untuk menggubal rang undang-undang mengenai mana-mana perkara yang tidak termasuk dalam senarai perundangan eksklusif atau mana-mana perkara yang termasuk dalam senarai perundangan bersama atau mana-mana perkara lain yang merujuk kepada kuasa yang telah diberi kepadanya untuk menggubal rang undang-undang menurut peruntukan Perlembagaan.¹⁷
- (iii) Seksyen 5 Subseksyen (2): Seksyen ini memberi kuasa kepada bahagian

¹⁴ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, Report of the committee on application of Shariah in Borno State, Spectrum Books Limited, Ibadan, Nigeria, 2007, bil.2 bahagian 4,6-7

¹⁵ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 4, 8

¹⁶ Section 38 of 1999 Constitution: Section 38 provided for freedom of thought, conscience and religion and to manifest and propagate one's religion or belief in worship, teaching, practice and observance.

¹⁷Section 4 Sub-Section (7) of 1999 Constitution: Section 4 sub-section (7) empowers the State House of Assembly of any State to make laws in respect of any matter not included in the exclusive legislative list or any matter that is included in the concurrent legislative list or any other matter with respect to which it is empowered to make laws in accordance with the provisions of the Constitution.

eksekutif Kerajaan Negeri untuk melaksana dan menyelenggara Perlembagaan Republik Persekutuan Nigeria, 1999, semua undang-undang yang digubal oleh Dewan Negeri dan semua perkara berkenaan yang mana Dewan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal rang undang-undang.¹⁸

- (iv) Seksyen 6 subseksyen (4) dan (5) perenggan (k) Perlembagaan 1999: Peruntukan ini memberi kuasa kepada Undang-undang Negeri untuk mewujudkan mahkamah baharu dengan bidang kuasa bawahan kepada Mahkamah Tinggi Negeri atau mengurniakan mahkamah rendah sedia ada dengan bidang kuasa baharu atau tambahan. Menurut peruntukan perlembagaan, Dewan Negeri Borno dan bahagian eksekutif akan bertindak dalam kerangka perlembagaan dengan meluluskan rang undang-undang untuk mengisytiharkan pelaksanaan semua aspek Syariah.¹⁹
- (v) Seksyen 14 Subseksyen (2) Perlembagaan 1999: Seksyen ini memperuntukkan bahawa kedaulatan Nigeria merupakan milik rakyatnya yang memberi mandat kepada Kerajaan melalui Perlembagaan untuk memerintah. Seksyen ini seterusnya menyatakan bahawa keselamatan dan kebajikan rakyat serta penyertaan mereka dalam Kerajaan menjadi tujuan utama Kerajaan. Keperluan untuk melaksanakan Syariah di Negeri Borno dengan itu menjadi penting sekali kerana ia merupakan tanggungjawab Kerajaan untuk menghormati kehendak dan aspirasi rakyat jelata. Kerajaan

¹⁸ Section 5 Sub-Section (2): Section 5 sub-section (2) empowers the executive arm of a State Government to execute and maintain the Constitution of the Federal Republic of Nigeria, 1999, all laws made by the State House of Assembly and all matters with respect to which the House of Assembly of a State has powers to make laws.

¹⁹ Section 6 Sub-Sections (4) and (5) Paragraph (k) of 1999 Constitution: These provisions empower the State Legislature to create new courts with subordinate jurisdiction to that of High Court of a State or confer the existing subordinate courts with new or additional jurisdiction(s). By virtue of these constitutional provisions, the Borno State House of Assembly and the executive arm shall be acting within the constitutional framework by passing a bill or law to herald the implementation of all aspects of Sharia.

akan bertindak menurut peruntukan perlembagaan untuk melaksanakan Syariah dalam Negeri.²⁰

- (vi) Seksyen 23 Perlembagaan 1999: Seksyen ini memperuntukkan disiplin, integriti, maruah pekerja, keadilan sosial, toleransi beragama dsb sebagai etika kebangsaan. Daripada peruntukan seksyen ini, bantahan orang bukan Islam terhadap pelaksanaan Syariah dalam negeri tersebut adalah tidak berasas.²¹
- (vii) Seksyen 24 Perlembagaan 1999: Seksyen ini memperuntukkan penghormatan kepada maruah hak warga lain dan kepentingan mereka yang sah, dan hidup bersatu padu dan harmoni dsb. Peruntukan ini menegaskan bahawa maruah umat Islam hanya boleh dipastikan jika kehidupan mereka didokongi oleh Syariah.²²
- (viii) Seksyen 315 Subseksyen (1)B dan Subseksyen (2) Perlembagaan 1999: Peruntukan ini mengiktiraf semua undang-undang sedia ada dalam Negeri sebelum penguatkuasaan Perlembagaan sebagai undang-undang Dewan Negeri. Kuasa juga telah diberi kepada Gabenor mana-mana Negeri untuk (melalui Dewan Negeri) mengubahsuai undang-undang sedia ada supaya ia

²⁰ Section 14 Sub-Section (2) of 1999 Constitution: This section provided that sovereignty belongs to the people of Nigeria from whom Government through the Constitution derives all powers and authorities. The section went further to state that the security and welfare of the people and their participation in Government shall be the primary purpose of Government. The need to implement Sharia in Borno State is therefore imperative because it is the responsibility of Government to respect the yearnings and aspirations of the people. Since the Muslim ummah in the State have expressed their desire to be governed by Sharia, and sovereignty according to this section belongs to the people, Government shall be acting within the constitutional provision to implement Sharia in the State.

²¹ Section 23 of 1999 Constitution: This section provided for the national ethics to be discipline, integrity, dignity of labour, social justice, religious tolerance etc. From the provision of this section, opposition by non-Muslims to implementation of Sharia in the State is unfounded and baseless.

²² Section 24 of 1999 Constitution: Section 24 provided for the respect of the dignity of other citizens' rights and their legitimate interest and live in unity and harmony etc. This provision emphasises that the dignity of Muslim could only be ensured if their lives are governed by Sharia.

selaras dengan Syariah.²³

- (ix) Seksyen 13 Perlembagaan 1999: Seksyen ini telah mewajibkan semua bahagian Kerajaan untuk mematuhi dan mengaplikasi peruntukan Perlembagaan ini. Oleh itu, dengan adanya peruntukan seksyen ini, adalah salah untuk mereka daripada golongan tertentu untuk beranggapan bahawa pihak polis tidak akan menguatkuasakan keputusan Mahkamah Syariah.²⁴

2.4.2 Sistem Mahkamah di Borno

1. Kerajaan Negeri disarankan untuk menukar sistem Mahkamah Daerah kepada struktur mahkamah yang berikut:²⁵
 - a. Mahkamah Alkali (Mahkamah Rendah)
 - b. Ketua Mahkamah Alkali (Ketua Mahkamah Rendah)
 - c. Mahkamah Tinggi Syariah
2. Jawatankuasa mahkamah mengesyorkan bahawa kelayakan untuk dilantik sebagai Alkali setaraf kelayakan yang berlaku untuk perlantikan hakim. Untuk Ketua Alkali, sekurang-kurangnya memiliki LL.B. dalam Syariah dan telah dipanggil ke Bar (tempat pemeriksaan hakim untuk dinilai taraf kelayakan) untuk jangka waktu

²³ Section 315 Sub-Section (I) B and Sub-Section (2) of 1999 Constitution: These provisions recognise all existing laws in the State immediately before the coming into force of this Constitution as deemed to be laws of the State House of Assembly. Power has also been given to the Governor of any State to (through the State House of Assembly) modify the existing laws to bring them into conformity with Sharia

²⁴ Section 13 of 1999 Constitution: This section has made it mandatory to all organs of Government to observe and apply the provisions of this Constitution. Therefore, by the provision of this section, it will be wrong for persons from certain quarters to assume that the police will not enforce judgments from Sharia Courts

²⁵ Perlembagaan Nigeria 1999, Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 2, 12-14

sekitar lima tahun dan setiap kelayakan tambahan dalam pengetahuan Islam akan menjadi keuntungan tambahan. Dalam hal Mahkamah Tinggi Syariah, Jawatankuasa mengesyorkan mengambil daripada keperluan perlembagaan yang terkandung dalam pasal 276 (3).

3. Mahkamah Alkali dan Ketua Mahkamah Alkali harus berlaku di bawah pengawasan Mahkamah Tinggi Syariah.
4. Kerajaan disarankan untuk membentuk Dewan Mahkamah Syariah Negeri sebagai badan autonomi untuk memenuhi, promosi disiplin janji, dan kesejahteraan Hakim Syariah.
5. Kerajaan disarankan untuk membentuk Sistem Mahkamah Adat untuk melayani kepentingan pengikut agama lain dan melantik Presiden Mahkamah Adat Tinggi.
6. Jawatankuasa menyarankan kerajaan untuk meminta Perhimpunan Kebangsaan untuk meninjau atau menukar syarat-syarat Perlembagaan sebagai berikut:
 - a) Bahagian 10 daripada Perlembagaan 1999 boleh diubah untuk membuatnya lebih jelas atau ditinggalkan sekiranya ianya mempunyai unsur penipuan dan samar-samar;
 - b) Peluasan Perkara 36 (12) untuk dimasukkan dalam takrifan undang-undang Islam sebagai undang-undang bertulis.
 - c) Penggantian untuk susunan kata "undang-undang peribadi Islam" kepada "undang-undang Syariah" di dalam Perlembagaan.

7. Bahagian 244 Perlembagaan 1999 diubah supaya Mahkamah Tinggi Syariah negeri menjadi Mahkamah Rayuan terakhir terhadap semua kes Syariah.
8. Sebuah jawatankuasa dibentuk terdiri daripada ahli Syariah, peguam dan sarjana Islam untuk mengubah undang-undang Syariah untuk perundangan oleh Lembaga Majlis Negara.

2.5 Aplikasi Undang-undang Syariah di Sakoto

Para ahli Jawatankuasa Agama Sakoto menyampaikan laporan yang mengandungi penjelasan tentang tujuh (7) tindakan pindaan, prosedur untuk sabit bukti dan hukuman, iaitu:²⁶

- a) Pembunuhan
- b) Zina dan homoseksualisme
- c) Kecurian
- d) Rompakan
- e) Minum alkohol
- f) Tuduhan zina
- g) Kemurtadan

²⁶ Perlembagaan Nigeria 1999, Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 2, 5

2.5.1 Peruntukan Penerapan Undang-undang Syariah di Sakoto

Bahawa Perlembagaan Nigeria 1999 memberikan Sistem Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kerajaan pusat Wilayah Persekutuan berdasarkan prinsip demokrasi dan keadilan sosial sebagaimana yang dijamin dalam pasal 1 daripadanya;²⁷

- a. Dan hampir seratus peratus (100%) daripada orang di Sakoto adalah Muslim dan berkeinginan untuk menetapkan undang-undang syariah;
- b. Dan peruntukan S. 38 (1) bahawa setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir dan kebebasan beragama antara satu sama lain dan hak asasi manusia dimaktubkan dalam Bab IV dalam Perlembagaan;
- c. Dan peruntukan S.4 (7) dan S. 6 (4) & (5) Perlembagaan Dewan Majlis Negara memegang kuasa untuk membuat undang-undang untuk menjaga keamanan, ketenteraman awam dan pemerintahan yang baik untuk negara atau negeri bahagian daripadanya;

2.5.2 Sistem Mahkamah di Sakoto

Undang-undang yang terkandung dalam sistem mahkamah Syariah Sakoto :²⁸

- (a) Auctioneers Law (Cap 10) Laws of Sokoto State
- (b) Applicable Laws (Cap 6) Laws of Sokoto State
- (c) Children and Young Persons Law (Cap 22) Laws of Sokoto State
- (d) Courts Touts (Prohibition) Law (Cap 40) Laws of Sokoto State

²⁷ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 2, 9

²⁸ *Ibid.*, 15

- (e) Criminal Procedure Code (Cap 41) Laws of Sokoto State
- (f) Fatal Accidents Law (Cap 50) Laws of Sokoto State
- (g) Infants Law (Cap 68) Laws of Sokoto State
- (h) Legitimacy Law (Cap 79) Laws of Sokoto State
- (i) Married Women's Property Law (Cap 91) Laws of Sokoto State
- (j) Oath and Affirmation Law (Cap 97) Laws of Sokoto State
- (k) Probation of Offenders (Cap 113) Laws of Sokoto State
- (l) Sharia Court of Appeal Law (Cap 133) Laws of Sokoto State
- (m) Area Courts Law (Cap 9) Laws of Sokoto State

2.6 Aplikasi Penerapan Undang-undang Syariah di Zamfara

1. Penubuhan Jawatankuasa : Gabenor Eksekutif negeri Alhaji Ahmed Rufai Sani (Mei 1999-Mei 2007),²⁹ dengan tujuan untuk memenuhi janji kempen beliau dan permintaan masyarakat terhadap pelaksanaan undang-undang Syariah, telah membentuk satu jawatankuasa yang mengandungi 18 anggota untuk:³⁰
 - i. menyemak dan meninjau semua undang-undang yang sedia ada supaya ia bersesuaian dengan, budaya tradisi, nilai dan norma masyarakat;
 - ii. meneliti serta menelaah struktur dan kawalan Mahkamah Daerah di Zamfara;
 - iii. mewujudkan keadilan pentadbiran yang berkesan di Zamfara.

²⁹Alhaji Ahmed Rufai Sani, Gabenor Eksekutif Zamfara dari Mei 1999 to Mei 2007

³⁰ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 3, 171

Jawatankuasa itu telah menghantar laporan dengan memberi tumpuan pada peruntukan perlembagaan yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Kerajaan, setelah menerima laporan perkhidmatan tersebut, mengumumkan "satu cara terbaik" untuk melaksanakan sistem undang-undang Syariah secara damai tanpa melanggar sebarang syarat Perlembagaan.

2.6.1 Peruntukan Penerapan Undang-undang Syariah di Zamfara

1. Kanun Undang-undang Jenayah Syariah (Penal Code): Untuk memenuhi keperluan wajib fasal 36 (12) Perlembagaan 1999, seseorang tidak boleh dikenakan hukuman jenayah kecuali ia telah melakukan satu kesalahan yang ditakrifkan dan hukuman akan ditentukan mengikut kod undang-undang setelah melalui proses perundangan.³¹
2. Prosedur Kanun Undang-undang Jenayah Syariah : Ini adalah kanun prosedur untuk proses pendakwaan terhadap suspek dan pelaksanaan penilaian dalam model undang-undang Islam.³²
3. Undang-undang pemansuhan mahkamah adat: Undang-undang ini membolehkan mahkamah adat Zamfara digantikan kepada Mahkamah Syariah.
4. Pindaan Undang-undang Mahkamah Rayuan Syariah: Bahagian 277 Perlembagaan 1999 menyekat bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah negeri terhadap undang-undang peribadi Islam. Sejak ditubuhkan mahkamah syariah bidang kuasa jenayah dan rayuan telah diberikan oleh mahkamah eksklusif iaitu Mahkamah Rayuan

³¹ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 3,172

³² *Ibid.*, hlm.172

Syariah, menjadi perlu untuk memperluaskan bidang kuasa rayuan jenayah dari mahkamah syariah.

5. Lain-lain Undang-undang / Dasar:³³

- i. Undang-undang Suruhanjaya Pencegah Rasuah. Suruhanjaya tidak mempunyai kuasa untuk mengadili, menangkap atau menahan seseorang. Ianya hanya menyasat amalan rasuah terhadap pegawai negeri di peringkat pentadbiran sahaja dan bertanggung jawab kepada eksekutif untuk tindakan yang tepat. Amalan rasuah merangkumi seperti tuntutan berlebihan, rasuah, tindakan pentadbiran yang salah, ketidakadilan dan lain-lain.
- ii. Zakat dan Undang-undang Wakaf.
- iii. Beban Perkahwinan dan Undang-undang Upacara Kehamilan. Mengatur dan mengurangkan kos minimum perkahwinan.
- iv. Larangan memukul dram tradisional dan menyanyikan pujian. Namun pengecualian kepada pemukul dram kerajaan atau pertanian.
- v. Pengenalan ukuran berat standard yang diluluskan kerajaan dan langkah-langkah untuk digunakan dalam pengukuran secara komersial dalam negeri.
- vi. Pematuhan pada solat oleh pegawai negeri dalam slot waktu solat yang tepat semasa waktu pejabat.
- vii. Kanun Etika Berpakaian untuk wanita – Hijab.
- viii. Pemulihan dan pendidikan *almajiris*.

³³ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 3,173

2.6.2 Sistem Mahkamah di Zamfara

Undang-undang Pembolehan: Ini adalah undang-undang yang diwujudkan di bawah seksyen 6 Perlembagaan 1999 yang membolehkan Negeri untuk mengamalkan sistem undang-undang Syariah. Ia dinamakan Undang-undang Mahkamah Syariah (Pentadbiran Keadilan dan Perubahan Berbangkit Tertentu) 1999. Sifat khususnya yang lain termasuklah:³⁴

- a) mewujudkan Mahkamah Syariah;
- b) mengurniakan bidang kuasa sivil dan jenayah dalam undang-undang Islam di mahkamah;
- c) membolehkan pengkanunan undang-undang jenayah Islam (Kanun Jenayah Syariah) untuk memenuhi keperluan seksyen 36(12) Perlembagaan;
- d) membolehkan pengkanunan Kanun Tatacara Jenayah Syariah;
- e) membenarkan pemansuhan Mahkamah Daerah sedia ada;
- f) membenarkan kewujudan Majlis Ulama Negeri;
- g) tanggungjawab menyediakan pentadbiran, pengawalan dan pemantauan Mahkamah Syariah yang pada mulanya diletakkan pada Ketua Hakim, dilepaskan daripada beliau dan diletakkan pada Kadi Besar yang berkuatkuasa pada 29/06/2000.

³⁴ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 3,172

2.7 Aplikasi Penerapan Undang-undang Syariah di Katsina

Seperti Borno, Sakoto dan Zamfara, bahawa rakyat Katsina juga mempunyai satu keinginan, yang ditetapkan oleh undang-undang dan perintah-perintah agama mereka untuk melaksanakan Syariah.

Yang demikian dinyatakan bahawa:

- a) Kedaulatan milik rakyat Nigeria di dalam kerajaan Perlembagaan ini mempunyai semua kuasa dan pemerintahan;
- b) keselamatan dan kesejahteraan rakyat harus menjadi tujuan utama kerajaan;
- c) penyertaan rakyat dalam kerajaan mereka harus dijanjikan sesuai dengan ketentuan Perlembagaan ini.

2.7.1 Peruntukan Undang-undang Syariah di Katsina

SEKSYEN 5 (2): Menunjukkan bahawa: Perkara-perkara yang ditentukan oleh Perlembagaan dari kuasa eksekutif di Katsina:³⁵

- a. Gabenor negeri yang di lantik boleh, seperti yang tersebut di atas dan undang-undang yang telah dinyatakan oleh Majlis Dewan, dilaksanakan olehnya baik secara langsung atau melalui Timbalan Gabenor dan Pesuruhjaya atau pegawai dalam perkhidmatan awam dari negeri dan
- b. Wajib merangkumi pelaksanaan dan penyelenggaraan Perlembagaan ini, semua undang-undang yang dibuat oleh Lembaga Majlis Negara dan semua

³⁵ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 2,5

hal yang berkaitan dengan Dewan Majlis mempunyai hak kuasa sementara waktu untuk membuat undang-undang.

Subseksyen ini memberi kuasa kepada eksekutif kerajaan untuk melaksanakan semua undang-undang yang dibuat oleh Majlis Lembaga untuk kemajuan seluruh rakyat Katsina, Seksyen 6 (2): Menyatakan bahawa:

*“Kekuasaan Kehakiman di suatu Negeri akan diberikan di mahkamah mengikut bahagian yang berkaitan, mahkamah yang ditubuhkan mengikut peruntukan Perlembagaan untuk suatu Negeri.”*³⁶

Subseksyen (4) menyatakan:³⁷

“Tidak ada dalam peruntukan terdahulu dalam bahagian ini harus ditafsirkan sebagai menghalang:

- a) Majlis Kebangsaan atau Dewan Majlis daripada mendirikan mahkamah, selain bahagian yang berkaitan dengan bidang kuasa bawahan dari Mahkamah Tinggi;*
- b) Perhimpunan Kebangsaan atau Dewan Majlis, tidak disyaratkan untuk, memansuhkan mahkamah yang memiliki kekuatan untuk meneruskan atau yang masih dalam persidangan.”*

Syarat-syarat seksyen 6 (2) dan (4) telah memberikan peluang yang mencukupi dan cukup untuk menjalankan secara bersamaan dua sistem undang-undang yang berasingan iaitu undang-undang Islam dan undang-undang umum. Hal ini sebagaimana ditetapkan

³⁶ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 2, 5

³⁷ *Ibid.*,5

dalam peruntukan, ia selaras dengan peruntukan-peruntukan perlembagaan yang lain seperti Bab IV Dasar Hak Asasi Manusia. Selain itu, ia menjamin semangat wujudnya kerjasama antara satu sama lain.

Seksyen 10: Bahagian ini menyatakan bahawa:³⁸

“Kerajaan Persekutuan atau suatu Negeri tidak akan mengambil agama sebagai Negeri Agama.”

Seksyen 10 bukan merupakan halangan ke atas pelaksanaan sistem undang-undang Syariah, kerana pelaksanaan Syariah tidak bermaksud menjadikan negeri sebagai Negeri Agama, lebih-lebih lagi dua sistem undang-undang iaitu undang-undang Syariah dan *Common Law* akan terus beroperasi dan kekal bersama-sama di dalam negeri.

Seksyen 38 dari Perlembagaan merupakan salah satu peruntukan yang berkaitan dengan penerapan Syariah. Subseksyen (1) menunjukkan:³⁹

“Setiap orang adalah berhak terhadap kebebasan berfikir dan beragama, termasuk kebebasan untuk menukar agama atau kepercayaan, dan kebebasan (secara individu atau dalam komuniti) untuk mewujudkan dan menyebarkan agama atau kepercayaan ibadah, pengajaran, amalan dan kepercayaan.”

Syarat-syarat hak asas warga negara terkandung dalam Bab 4 Perlembagaan Nigeria, sebarang pelanggaran terhadap syarat-syarat tersebut menurut Perkara 46 (1):⁴⁰

³⁸ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 2, 5

³⁹ Ibid., 6

⁴⁰ Ibid., 6

“Setiap orang yang mendakwa bahawa setiap peruntukan bab ini telah, sedang atau mungkin bertentangan mengikut setiap Negeri yang berkaitan, dia boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi dalam Negeri untuk ganti rugi.”

Dalam proses mendengar pendapat awam dan daripada semua memorandum bertulis yang diterima, pengajuan yang dilakukan terhadap peruntukan seksyen 38 Perlembagaan Nigeria beranggapan bahawa peruntukan bahagian ini telah memberi kepada umat Islam dan penganut agama lain hak penuh untuk mengamalkan amalan agama mereka. Beberapa orang berpendapat bahawa, Kristian dan agamawan tradisional yang lain telah diberikan hak penuh dan hak-hak yang diatur oleh undang-undang awam dan undang-undang adat masing-masing, bagi menyangkal Muslim untuk melaksanakan syariah dan untuk menafikan hak kebebasan agama sebagai diabadikan, diakui dan bahkan dilaksanakan berdasarkan Perlembagaan. Dalam membenarkan hujah yang menganggap penolakan syariah sebagai penafian hak Muslim untuk kebebasan beragama, beberapa penyumbang telah merujuk kepada teks agama dan pihak berkuasa untuk menunjukkan Islam sebagai agama yang menjamin hak kebebasan beragama kepada bukan Muslim.

Bahagian 38 (1) Perlembagaan dalam kaitannya dengan pelaksanaan syariah akan dinyatakan sebagai berikut:⁴¹

- a. Bahawa setiap Muslim berhak untuk hidup dan mengamalkan amalan agamanya dan agama Islam adalah kod lengkap amalan yang tidak dapat dipisahkan.

⁴¹ Philip Ostien, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, bil.2 bahagian 2, 7

- b. Bahawa dalam pelaksanaan hak asasi untuk kebebasan beragama, seorang Muslim boleh menghalang amalan keagamaannya "*secara individu mahupun hubungan dengan orang lain baik secara persendirian ataupun di khalayak umum.*"
- c. Bahawa untuk "mewujudkan dan menyebarkan" seperti yang digunakan dalam fasal 38 (1) bererti "*mengamalkan dan melaksanakan*".

Akhirnya, dapat difahami bahawa "*kebebasan beragama*" sebagaimana yang ditentukan di dalam bahagian 38 (1) Perlembagaan adalah jelas dan tidak menyekat amalan keagamaan di gereja, masjid, kuil atau tempat suci. Kebebasan beragama memberikan hak untuk berlatih, mengamati, mengajar dan menyebarkan. pelaksanaan penuh syariah kerana itu tidak bertentangan dengan syarat-syarat bahagian 38 (1) Perlembagaan Nigeria.

2.8 Hubungan Undang-undang Jenayah Syariah Nigeria dengan Undang-undang Antarabangsa

Hubungan Undang-undang Jenayah Syariah Nigeria pada hakikatnya tidak terikat dengan mana-mana undang-undang antarabangsa, namun undang-undang Jenayah Syariah Nigeria terikat dengan Perlembagaan Nigeria, dimana Nigeria merupakan sebuah negara yang banyak menandatangani perjanjian dengan triti antarabangsa, ini bermaksud secara tidak langsung, Perlembagaan Nigeria terikat dengan perjanjian tersebut, dan undang-undang syariah di Nigeria perlu patuh dan hormat dengan perjanjian tersebut. Ini menimbulkan masalah kepada sistem undang-undang syariah Nigeria, kerana mereka

dilindungi oleh Perlembagaan Nigeria, hakikatnya masih terikat dengan perjanjian yang dibuat oleh Perlembagaan.

Namun, adakah mahkamah syariah Nigeria perlu patuhi perjanjian yang ditandatangani atau adakah tindakan akan diambil sekiranya Nigeria gagal mengikuti perjanjian tersebut? Hal ini akan dibincangkan dengan banyak lagi mengenai triti antarabangsa terhadap undang-undang Syariah di Nigeria dalam konteks hukuman rejam sahaja.

Sememangnya Nigeria gigih untuk melaksanakan Syariah di negaranya, lebih-lebih lagi di negeri-negeri bahagian utaranya. Oleh itu, perbincangan selanjutnya diteruskan di bab yang akan datang untuk membincangkan mengenai Kanun Jenayah Syariah dan peruntukan undang-undang hukuman rejam di Nigeria. Perbincangan yang terkandung di dalamnya akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai Hukum Kanun Jenayah Syariah Nigeria dan peruntukan-peruntukan sedia ada di Nigeria dalam konteks hukuman rejam sahaja.

BAB III

KANUN JENAYAH SYARIAH DAN PERUNTUKAN HUKUMAN REJAM DI NIGERIA

Pengenalan

Bab III membincangkan mengenai Kanun Jenayah Syariah dan peruntukan hukuman rejam di Nigeria selepas pengenalan semula undang-undang Syariah pada tahun 1999. Terdapat dua belas (12) negeri di utara Nigeria yang menggunakan kanun jenayah Syariah dalam sistem syariah mereka, iaitu Zamfara, Kano, Kebbi, Jigawa, Sokoto, Yobe, Bauchi, Katsina, Gombe, Niger, Borno dan Kaduna. Setiap sub-topik dalam bab ini akan menjelaskan empat kategori iaitu zina, liwat, sumbang mahram dan rogol dalam Kanun Jenayah Syariah yang memperuntukkan hukuman rejam yang diaplikasikan di setiap dua belas negeri utara Nigeria.

3.1 Pengenalan Semula Kanun Jenayah Syariah Nigeria

Peruntukan undang-undang rejam di Nigeria sebelum pengenalan semula undang-undang Syariah pada tahun 1999 termaktub di Bahagian III (hukuman dan pampasan) dalam Kanun Jenayah Syariah 1960⁴², seksyen 93(1) yang menunjukkan hukuman bagi kesalahan yang bersesuaian dengan tindakan undang-undang adalah; merujuk kepada

⁴²Sharia Penal Code Nigeria 1960, *Chapter 3 Punishments and Compensation*, Section 93 Clause 1: The punishments to which offenders are liable under the provisions of this law are: (xviii) stoning to death (*rajm*).

seksyen 93(1)(xviii) iaitu rejam sampai mati.⁴³ Walaupun Kanun Jenayah Syariah 1960 mempunyai peruntukan hukuman jenayah, namun ianya tidak pernah digunakan di Nigeria pada ketika itu. Ini disebabkan Nigeria selesa dengan penggunaan *Common Law* yang ditinggalkan oleh Inggeris ketika zaman penjajahan yang melibatkan kes sivil sahaja. Sehingga tahun 1999, kesedaran rakyat Nigeria mahukan Syariah menjadi sebahagian daripada perlembagaan Nigeria sendiri. Undang-undang Syariah mula diperkenalkan semula, undang-undang jenayah Syariah telah disatukan menjadi “*Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*”⁴⁴ yang kemudian menggunakan (*HSPC 2000*) dengannya undang-undang ini telah digubal untuk dua belas bahagian negeri di utara Nigeria iaitu; i) Zamfara, Kano, Kebbi, Jigawa, Sokoto, Borno dan Yobe menggunakan *Sharia Penal Code 2000* masing-masing, ii) Bauchi, Katsina, Borno dan Gombe menggunakan *Sharia Penal Code 2001* masing-masing, dan iii) Kaduna menggunakan *Sharia Penal Code 2002*.

3.2 Peruntukan Hukuman Rejam di bawah Kanun Jenayah Syariah

Terdapat empat kesalahan yang terkandung di bawah peruntukan hukuman rejam *HSPC 2000 of Nigeria* iaitu zina, liwat, rogol dan sumbang mahram yang membolehkan untuk disabitkan hukuman rejam di Nigeria. Menurut *HSPC 2000 of Nigeria*, peruntukan undang-undang kesalahan yang dikenakan hukuman rejam di Nigeria terdapat dalam bahagian 8 iaitu hudud dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan hudud.⁴⁵ *HSPC 2000* merupakan peruntukan undang-undang secara umum untuk seluruh Nigeria, walau

⁴³ Peruntukkan yang sama juga terdapat di dalam *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, yang mempertuntukkan, *Chapter 3 Punishments and Compensation*, Section 93 Clause 1: The punishments to which offenders are liable under the provisions of this law are: (xviii) stoning to death (*rajm*).

⁴⁴ *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Centre For Islamic Legal Studies Ahmadu Bello University Zaria, March 2002

⁴⁵ *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Chapter 8 *Hudud and Hudud-Related Offences*.

bagaimanapun setiap negeri yang menggunakan Kanun Jenayah Syariah memiliki Akta Kanun Jenayah Syariah negerinya sendiri.

Berikut merupakan peruntukan undang-undang kesalahan yang mensabitkan hukuman rejam di Nigeria:

3.2.1 Peruntukan Undang-undang Bagi Kesalahan Zina

Peruntukan undang-undang kesalahan zina terdapat di dalam seksyen 125(i), *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan, “sesiapapun, di antara lelaki atau perempuan yang bertanggungjawab, melakukan hubungan seksual melalui alat kelamin seseorang yang ia tidak mempunyai hak seksual dan dalam keadaan tidak ada keraguan terhadap tindakannya, adalah bersalah atas kesalahan zina.”⁴⁶

Peruntukan menggariskan beberapa elemen:

1. Elemen lelaki dan wanita yang bertanggungjawab, yang membawa maksud lelaki dan wanita itu mencukupi dan menepati syarat-syarat sebagai seorang mukallaf seperti Islam, baligh, dan berakal (tidak waras atau gila).
2. Mempunyai hubungan seksual melalui alat kelamin seseorang lebih daripada apa yang ia tidak mempunyai hak seksual, iaitu melakukan hubungan seksual selain suami/isteri sendiri (bukan di dalam perkahwinan), dan

⁴⁶ Section 125, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, (i) Whoever, being a man or a woman fully responsible, has sexual intercourse through the genital of a person over whom he has no sexual rights and in circumstances in which no doubt exists as to the illegality of the act, is guilty of the offence of zina.

3. Dalam keadaan dengannya tidak ada keraguan mengenai tindakannya, iaitu perlakuan mereka merupakan perlakuan secara **sengaja** atau **tanpa paksaan**, yang dikatakan sebagai **sengaja** itu membawa maksud kelakuan yang dilakukan adalah dengan kerelaan sendiri, manakala **tanpa paksaan** pula membawa maksud, mereka atau salah seorang daripada mereka tidak dipaksa sama ada dengan ugutan atau lain-lain kekerasan, maka mereka boleh disabitkan atas kesalahan zina.

Jika sabit kesalahan zina maka mahkamah boleh menjatuhkan hukuman merujuk kepada Seksyen 126 *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan: “sesiapapun yang melakukan kesalahan zina perlu dihukum: a) dengan di rotan seratus sebatan jika ia belum berkahwin, dan jika pelaku adalah seorang lelaki juga harus dikenakan hukuman penjara selama tempoh satu tahun; atau b) jika sudah berkahwin, dengan direjam sampai mati (*Rajm*).”⁴⁷

Contoh kes zina yang menepati Seksyen 125(i) *HSPC 2000 of Nigeria* merujuk kepada kes Amina Lawal⁴⁸ yang didakwa atas kesalahan berzina di bawah seksyen 126 Kanun Jenayah Syariah Negeri Katsina 2001 yang menyatakan Aminal Lawal telah melahirkan anak luar nikah dan beliau telah disabitkan kesalahan dengan bukti kehamilan dan persetujuan, maka mahkamah rendah Syariah negeri Katsina menjatuhkan hukuman rejam sampai mati kepada Amina Lawal, iaitu berdasarkan seksyen 126 Kanun Jenayah Syariah Negeri Katsina 2001, mentakrifkan zina sebagai "Sesiapa, seorang lelaki atau perempuan yang bertanggungjawab sepenuhnya, melakukan hubungan seksual melalui

⁴⁷ Section 126, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Whoever commits the offence of zina shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and where the offender is a man shall also be liable to imprisonment for a term of one year; or (b) if married, with stoning to death (*rajm*).

⁴⁸ No.kes KTS/SCA/FT/86/2002, sila rujuk bab 4 (4.2), Kronologi lengkap kes Amina Lawal.

kemaluan seseorang yang ke atasnya dan dia tidak mempunyai hak seksual dan dalam keadaan yang tidak syak lagi wujud sebagai menyalahi undang-undang perbuatan itu, adalah bersalah atas kesalahan Zina.⁴⁹ Jika disabitkan kesalahan, tertuduh akan didakwa di bawah Seksyen 127 Kanun Jenayah Syariah Negeri Katsina 2001 yang memperuntukkan hukuman zina: "Sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan Zina hendaklah dihukum: a) dengan hukuman rotan 100 sebatan jika belum berkahwin, dan juga boleh didenda dipenjarakan selama tempoh satu tahun; atau (b) jika berkahwin dengan direjam sampai mati".⁵⁰

Kronologi fakta kes mengenai kes Amina Lawal menunjukkan dia telah disabitkan dengan bukti kehamilan dan pengakuannya telah dianggap sebagai keterangan yang mencukupi untuk mensabitkan kesalahannya. Amina Lawal tidak mempunyai perwakilan undang-undang (peguam bela) semasa perbicaraan itu dan tidak dimaklumkan mengenai hak untuk mengambil perkhidmatan seorang peguam; dan dia pula tidak sedar akibat mengaku untuk kesalahannya. Lalu kes ini mendapat perhatian meluas dari segi publisiti.

Rayuan lanjutan ketika itu difailkan ke Mahkamah Rayuan Syariah Negeri. Pada 25 September 2003⁵¹, Mahkamah Rayuan Negeri membatalkan hukuman mati atas beberapa alasan, termasuk terdapat bukti yang mencukupi untuk mensabitkan Amina Lawal dan bahawa dia ada hak untuk menarik balik pengakuannya. Empat daripada lima hakim di mahkamah rayuan telah bersetuju menerima alasan bagi rayuan itu. Seorang hakim lagi

⁴⁹ Section 126, Sharia Penal Code of Katsina State 2001, (i) Whoever, being a man or a woman fully responsible, has sexual intercourse through the genital of a person over whom he has no sexual rights and in circumstances in which no doubt exists as to the illegality of the act, is guilty of the offence of zina.

⁵⁰ Section 127, Sharia Penal Code of Katsina State 2001, Whoever commits the offence of zina shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and where the offender is a man shall also be liable to imprisonment for a term of one year; or (b) if married, with stoning to death (*rajm*).

⁵¹ Lihat nota kaki no.61, Asifa Quraishi, *What if Sharia Weren't the Enemy? Rethinking International Women's Rights Advocacy on Islamic Law*, Legal Studies Research Paper Series Paper No. 1154, (Columbia Journal of Gender and Law Volume 25, No. 5, 2011), 19, <http://ssrn.com/abstract=1762767>, ISSN: 1067-6220.

berbeza pendapat dan berhujah bahawa Amina Lawal telah didapati bersalah, menggambarkan lagi risiko membenarkan hanya seorang hakim untuk membicarakan kes-kes seperti ini, seperti di mahkamah Syariah yang lebih rendah dan ataupun mahkamah yang lebih atas. Pada 25 September 2003, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Katsina, telah diberikan pendapat dan pertimbangan terhadap beberapa isu-isu asas. Yang Arif Khadi Mahkamah, membaca penghakiman bersama tiga yang lain, memutuskan bahawa pihak polis tidak sepatutnya mengenakan Amina Lawal atas kesalahan zina kerana dia tidak berada dalam tanggungjawab perlembagaan mereka. Mahkamah Rayuan Syariah menyatakan bahawa Islam dan Syariah menyediakan Perlindungan Kebebasan dan Keadilan, dan untuk semua sebab yang dibentangkan di atas, Mahkamah telah menolak semua tuduhan terhadap Amina Lawal. Maka Amina Lawal dilepaskan dan dibebaskan.

Kesimpulan daripada kes ini membuktikan Amina Lawal sememangnya di dakwa di bawah kes kesalahan zina iaitu seksyen 126 Kanun Jenayah Syariah Negeri Katsina 2001 yang menepati Seksyen 125(i) *HSPC 2000 of Nigeria*.

3.2.2 Peruntukan Undang-undang Bagi Kesalahan Liwat

Peruntukan undang-undang bagi kesalahan liwat terdapat dalam seksyen 129, *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan, “barangsiapa mempunyai hubungan seks anal dengan lelaki dikatakan telah melakukan tindakan meliwat.”⁵²

Kenyataan di atas merujuk kepada lelaki yang melakukan hubungan seksual sejenis, iaitu lelaki dengan lelaki, yang keadaan mereka adalah secara sengaja atau tanpa paksaan.

⁵² Section 129, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Whoever has anal coitus with any man is said to commit the offence of sodomy.

Elemen penting bagi disabitkan kesalahan liwat juga tidak banyak berbeza seperti perlakuan zina, cuma berbeza dari segi definisi sahaja, i) lelaki itu melakukan hubungan sejenis, iaitu perlakuan hubungan kelamin antara lelaki dengan lelaki, ii) keadaan mereka adalah secara sengaja atau tanpa paksaan, sama seperti perlakuan zina, iaitu kelakuan yang dilakukan adalah dengan kerelaan sendiri, manakala tanpa paksaan pula membawa maksud, mereka atau salah seorang daripada mereka tidak dipaksa sama ada dengan ugutan atau kekerasan lain, maka mereka boleh disabitkan atas kesalahan liwat/lesbian.

Jika disabitkan kesalahan, mereka yang melakukan tindakan liwat boleh dikenakan hukuman rejam sampai mati menurut seksyen 130,⁵³ *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan, “sesiapa yang melakukan kesalahan liwat harus dihukum rejam sampai mati.”

Contoh kes liwat yang menepati seksyen 129, *HSPC 2000 of Nigeria* boleh merujuk kepada kes Attahiru Umaru, iaitu pada 12 September 2001, Attahiru Umaru seorang lelaki berusia dalam tiga puluhan, dijatuhi hukuman rejam atas kesalahan kes liwat oleh Mahkamah Syariah Tinggi 1, Birnin Kebbi, Bandar Kebbi. Dia dituduh atas salah laku seksual terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun. Dia telah mengaku salah atas kelakuannya dan tidak mempunyai perwakilan undang-undang semasa perbicaraan. Maka dia telah didakwa di bawah peruntukan kesalahan liwat, yang sabit kesalahan liwat akan dijatuhkan hukuman rejam sampai mati. Lalu beliau telah merayu terhadap hukuman tersebut kepada Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kebbi, namun menjelang tarikh September 2003, rayuannya masih belum selesai.⁵⁴

⁵³ Section 130, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Paragraph (1) Subject to the provisions of subsection (2), whoever commits the offence of sodomy shall be punished with stoning to death (*rajm*).

⁵⁴ *Ibid.*, p. 33. Rujukan: Kes ini masih tiada sebarang maklumat sehingga kini. Menurut laporan Human Right Wacth.

Walaupun rayuannya masih belum selesai, dapatlah kita simpulkan bahawa pelaksanaan rejam ke atas Attahiru Umaru masih tergantung atau erti kata lain masih tidak dapat dilaksanakan. Namun perbincangan di sini tertumpu kepada elemen yang mensabitkan hukuman liwat ke atas beliau itu sama ada menepati atau tidak. Menurut keterangan kes beliau, salah laku liwat terhadap kanak-kanak lelaki jelas membuktikan beliau melakukan kesalahan liwat walaupun beliau tidak mempunyai perwakilan undang-undang (peguam bela), pengakuan beliau juga boleh diambil kira sebagai sabit bukti kesalahan dan boleh didakwa jika sabit kesalahan.

3.2.3 Peruntukan Undang-undang Bagi Kesalahan Rogol

Peruntukan undang-undang bagi kesalahan rogol terdapat dalam seksyen 127, *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan, “(1) Seorang lelaki yang melakukan kesalahan merogol, kecuali merujuk kepada subseksyen (2), mempunyai hubungan seksual dengan seorang perempuan dalam salah satu keadaan berikut:⁵⁵ a) bertentangan dengan kehendaknya; b) tanpa persetujuannya; c) dengan persetujuannya, apabila persetujuannya telah diperolehi dengan meletakkan dirinya dalam ketakutan kematian atau kecederaan, d) dengan persetujuannya, apabila lelaki itu mengetahui bahawa ia bukan suaminya dan bahawa persetujuan itu diberikan kerana dia percaya bahawa lelaki itu adalah lelaki lain kepadanya atau percaya dirinya sudah berkahwin secara sah; e) dengan atau tanpa persetujuannya, bila dia berada di bawah usia lima belas tahun atau berfikiran tidak waras.

⁵⁵ Section 127, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, (1) A man is said to commit rape who, save in the case referred in subsection (2), has sexual intercourse with a woman in any of the following circumstances: (a) against her will; (b) without her consent; (c) with her consent, when her consent has been obtained by putting her in fear of death or of hurt; (d) with her consent, when the man knows that he is not her husband and that her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married; (e) with or without her consent, when she is under fifteen years of age or of unsound mind. (2) Sexual intercourse by a man with his own wife is not rape.

(2) Hubungan seksual di antara seorang lelaki dengan isterinya sendiri bukanlah dinamakan rogol.”

Kenyataan di atas merujuk kepada definisi kesalahan yang disabitkan dengan kesalahan rogol dan syarat-syarat bagi disabitkan kesalahan rogol tertakluk kepada persetujuan atau tidak situasi mangsa mengikut apa yang ternyata dalam seksyen 127 (1)(2)(a) sehingga (2)(e) *HSPC 2000 of Nigeria*.

Jika disabitkan kesalahan rogol, tertuduh akan didakwa di bawah Seksyen 128 *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan, “barangsiapa melakukan kesalahan rogol, harus dihukum:⁵⁶ (a) dengan dirotan seratus kali sebatan jika ia belum berkahwin, dan juga harus dikenakan hukuman penjara selama jangka waktu satu tahun; atau (b) jika berkahwin, dengan rejam sampai mati (*Rajm*); dan (c) selain (a) atau (b) di atas juga perlu membayar *mahar* setanding dengannya (*Sadaq al-mithli*)⁵⁷ dan ganti rugi lain yang akan ditentukan oleh mahkamah.”

⁵⁶ Section 128, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Whoever commits rape, shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and shall also be liable to imprisonment for a term of one year; or (b) if married, with stoning to death (*rajm*); and (c) in addition to either (a) or (b) above shall also pay the dower of her equals (*sadaq al-mithli*) and other damages to be determined by the court.

⁵⁷ See footnote 171, Section 128, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, *Mahar Sadaq al-mithli*, Only Kaduna includes, as here, “and other damages to be determined by the court”.

3.2.4 Peruntukan Undang-undang Bagi Kesalahan Sumbang Mahram

Peruntukan undang-undang bagi kesalahan sumbang mahram terdapat dalam seksyen 131, *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan, “(1) Barangsiapa seorang lelaki, melakukan hubungan seksual dengan perempuan di mana dia mengetahui itu adalah anaknya, cucu perempuannya, ibunya atau perempuan lain daripada keturunannya, kakaknya atau anak perempuan kepada saudara perempuan atau saudara lelaki atau ibu saudaranya sebelah bapa atau ibu telah melakukan kesalahan sumbang mahram. (2) Barang siapa, perempuan, secara sukarela membenarkan seorang lelaki di mana dia mengetahui itu adalah anaknya, cucunya, bapanya atau lelaki lain daripada keturunannya, saudara lelakinya atau anak lelaki kepada saudara lelaki atau saudara perempuan atau bapa saudaranya sebelah bapa atau ibu untuk melakukan hubungan seksual dengan dia, telah melakukan kesalahan sumbang mahram.”⁵⁸

Kenyataan di atas merujuk kepada peruntukan kesalahan yang disabitkan bagi kesalahan sumbang mahram, yang ditakrifkan sebagai perbuatan melakukan hubungan seksual dengan sesiapa yang melibatkan kepunyaan hubungan kekeluargaan dan keturunan seperti anak perempuan, cucu perempuan, ibu, kakak, adik perempuan atau adik-beradik perempuan sebelah bapa atau ibu.

Jika disabitkan kesalahan sumbang mahram, tertuduh boleh didakwa di bawah Seksyen 132 undang-undang *HSPC 2000 of Nigeria* yang menyatakan, barangsiapa

⁵⁸ Section 131, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, (1) Whoever being a man, has sexual intercourse with a woman who is and whom he knows or has reason to believe to be his daughter, his grand daughter, his mother or any other of his female ascendants or descendants, his sister or the daughter of his sister or brother or his paternal or maternal aunt has committed the offence of incest. (2) Whoever, being a woman, voluntarily permits a man who is and whom she knows or has reason to believe to be her son, her grandson, her father or any other of her male ascendants or descendants, her brother or the son of her brother or sister or her paternal or maternal uncle to have sexual intercourse with her, has committed the offence of incest.

melakukan sumbang mahram mesti dihukum: a) dengan dirotan seratus sebatan jika ia belum berkahwin, dan di mana pelaku adalah lelaki juga dikenakan penjara untuk jangka masa tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun, atau b) jika berkahwin, dengan direjam sampai mati (*Rajm*).⁵⁹

Bab yang seterusnya akan membincangkan mengenai kes-kes berkaitan hukuman rejam dan penglibatan triti antarabangsa. Di dalam bab ini akan menerangkan lapan kes yang terlibat dalam hukuman rejam di Nigeria dan campurtangan triti antarabangsa dalam memperjuangkan hak asasi manusia di Nigeria.

⁵⁹ Section 132, *Harmonised Sharia Penal Code 2000 of Nigeria*, Whoever commits incest shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and where the offender is a male shall also be liable to imprisonment for a term of not less than one year and not exceeding five years; or (b) if married, with stoning to death (*rajm*).

BAB IV

KES-KES BERKAITAN HUKUMAN REJAM DAN PENGLIBATAN TRITI ANTARABANGSA

Pengenalan

Bab IV membincangkan mengenai kajian kes-kes berkaitan hukuman rejam dan penglibatan pemakaian triti antarabangsa di Nigeria. Bab ini akan menjelaskan secara terperinci setiap latar belakang kes-kes rejam di Nigeria serta keputusan kes sebelum dan selepas rayuan dibuat setelah penglibatan triti antarabangsa melibatkan diri dalam beberapa kes rejam di Nigeria.

4.1 Kes-kes Berkaitan Hukuman Rejam Dan Pemakaian Triti Antarabangsa

Terdapat 8 kes yang melibatkan jenayah seperti zina, liwat dan rogol yang dikenakan hukuman rejam di Nigeria yang menerima campurtangan triti antarabangsa seperti *Universal Declaration of Human Rights (UDHR 1968)*, *BOABAB⁶⁰ for human rights in Nigeria* dan *The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)*. Ini merupakan strategi perjuangan pejuang hak-hak asasi manusia di Nigeria. Terdapat lima (5) kes zina yang kelima-lima kes tersebut mendapat keputusan dilepaskan dan dibebaskan, iaitu i) kes Saffiya Hussaini, ii) kes Amina Lawal, iii) kes Fatimah Usman dan Ahmadu Ibrahim, iv) kes Hafsat Abu Bakar dan v) kes Maryam Abu Bakar Bodinga.

⁶⁰ BOABAB merupakan sebuah kumpulan pejuang hak asasi manusia di Nigeria. Perkataan BOABAB di ambil bersempena dengan nama pohon yang terdapat di Nigeria.

Di samping itu, terdapat dua (2) lagi kes yang melibatkan jenayah liwat, juga menerima keputusan yang sama iaitu dilepaskan dan dibebaskan, seperti i) kes Jibrin Babaji dan ii) kes Attahiru Umaru. Manakala terdapat satu (1) kes yang melibatkan jenayah rogol menerima keputusan dilepaskan dan dibebaskan, iaitu kes Sarimu Mohammed Baranda. Kesemua kes-kes ini akan dibincangkan secara terperinci mengenai latar belakang kes, strategi perjuangan serta keputusan sebelum dan selepas rayuan dibuat.

| NO. | Nama Orang Kena Tuduh | Kesalahan | Mahkamah Bicara/ Rayuan | Keputusan |
|-----|---|-----------|--|--|
| 1. | Saffiya Hussaini (perempuan) | Zina | Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sokoto | Dilepaskan dan dibebaskan |
| 2. | Amina Lawal (perempuan) | Zina | Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Katsina | Dilepaskan dan dibebaskan |
| 3. | Fatimah Usman dan Ahmadu Ibrahim (pasangan) | Zina | Mahkamah Rayuan Syariah Bandar Minna | Dilepaskan dan dibebaskan |
| 4. | Jibrin Babaji (lelaki) | Liwat | Mahkamah Tinggi Syariah 1, Kobi, Negeri Bauchi | Dilepaskan dan dibebaskan |
| 5. | Attahiru Umaru (lelaki) | Liwat | Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kebbi | Proses rayuan tidak selesai |
| 6. | Sarimu Mohammed Baranda (lelaki) | Rogol | Mahkamah Rayuan Dutse, Bandar Jigawa | Dilepaskan dan dibebaskan |
| 7. | Hafsatu Abu Bakar (perempuan) | Zina | Mahkamah Tinggi Syariah 2 Negeri Sakoto | Dilepaskan dan dibebaskan |
| 8. | Maryam Abu Bakar Bodinga (perempuan) | Zina | Mahkamah Tinggi Syariah 11 Negeri Sakoto | Dilepaskan dan dibebaskan (Kes dibatalkan) |

Jadual di atas menunjukkan rujukan kes-kes yang dikenakan hukuman rejam di Nigeria yang mendapat perhatian pihak pejuang hak asasi manusia dalam memperjuangkan

hak-hak asasi manusia di Nigeria. Terdapat empat kes melibatkan kaum perempuan, tiga kes melibatkan kaum lelaki dan satu kes melibatkan pasangan.

4.1.1 Kes Saffiya Hussaini: Ringkasan pengenalan kes

Kes Safiya Hussein⁶¹ merupakan kes yang pertama menggerakkan syariah di Nigeria menjadi perhatian antarabangsa dan menimbulkan huru-hara. Kes ini menjadi ujian kepada orang lain untuk diikuti dan melambangkan diskriminasi kekerasan terhadap wanita yang wujud dalam undang-undang Syariah.

Safiya Hussein, seorang perempuan yang bercerai dalam usia 30-an itu datang daripada latar belakang yang miskin, didapati bersalah berzina dan dihukum mati dengan rejam oleh Mahkamah Tinggi Syariah di Gwadabawa, di Sakoto, pada 9 Oktober, 2001⁶². Beliau tidak mempunyai perwakilan undang-undang (peguam bela) semasa perbicaraan bersama Yakubu Abubakar, lelaki yang dikatakan telah melakukan zina dengannya, menafikan tuduhan itu dan telah dibebaskan kerana kekurangan bukti/saksi. Selain itu, mahkamah menolak cadangan ujian DNA dijalankan sekalipun untuk membuktikan Abubakar Yakubu adalah bapa kepada anak Safiya Hussein, atas alasan bahawa tidak ada rujukan kepada ujian itu dalam Syariah.

⁶¹ Fakta kes penuh Saffiya Hussein: Sila rujuk 5.1.2 di dalam bab ini.

⁶² Case no. USC/GW/CR/FI/10/2001 Upper Sharia Court, Gwadabawa, Sokoto State, 3 July to 9 October, 2001, translated by Abdurauf A. Shehu, 22 January 2002; Sharia Court of Appeal of Sokoto State, Sokoto Judicial Division, 25 March 2002, translated by Ibrahim Ladan, D.D. Litigation, High Court of Justice, Sokoto, 27 July 2002. Ogbu U. Kalu, *Saffiya and Adamah: Punishing Adultery with Sharia Stones In Twenty-First-Century Nigeria*, African Affairs (2003), 102, 389–408, (Royal African Society 2003), 394. Aliyu Musa Yamuri, *On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal*, From P. Ostien, ed, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, (Ibadan: Spectrum Books Ltd, 2007, Vol. V, Chapter 6, Part VII), 129-130. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1470205>.

Safiya Hussein pula walau bagaimanapun telah disabitkan bersalah atas dasar kehamilan merupakan bukti berzina⁶³, dan atas dasar pengakuannya juga. Safiya Hussein telah didakwa di bawah Seksyen 127 undang-undang kod Syariah Negeri Katsina yang memperuntukkan hukuman zina: "Sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan zina hendaklah dihukum dengan hukuman rotan 100 sebatan jika belum berkahwin, dan juga boleh didenda dipenjarakan selama tempoh satu tahun; atau (b) jika berkahwin dengan direjam sampai mati".⁶⁴

4.1.1(a) Latar Belakang Kes Dan Strategi Pembelaan Terhadap Kes Safiya Hussaini

Safiyatu Hussein berusia 38 tahun ditangkap pada 23 Disember 2000 dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Gwadabawa, Negeri Sokoto bagi kesalahan berzina, dan hubungan seks yang menyalahi undang-undang. Perkara itu didakwa di mahkamah oleh Pesuruhjaya Polis Negeri Sokoto⁶⁵ di bawah seksyen 128 dan 129 Kanun Keseksan Syariah Negeri Sokoto 2000. Abubakar Yakubu, teman lelakinya yang juga ditangkap, dibebaskan apabila dia menafikan tuduhan kerana kekurangan bukti. Hakim yang mendengar kesnya, Sanyinawal Mohammed Bello, menghukum Safiyya mati atas

⁶³ Nigeria menggunakan pendekatan mazhab maliki, bukti kehamilan tanpa nikah diterima sebagai bukti yang kuat, Zina boleh sabit dengan qarinah atau keterangan yang kuat yang menunjukkan ia berlaku seperti kehamilan wanita yang tidak mempunyai suami atau tuan (dalam kes hamba sahaya). Pensabitan rogol melalui peralatan teknologi terkini, seperti melalui pemeriksaan air mani si lelaki dan rekodnya di makmal-makmal jenayah, atau juga melalui rakaman perlakuan jenayah dengan alat perakam moden. Ini merupakan pandangan al-Zaila'i, Ibn al-Ghars dan al-Tarabulsi daripada mazhab Hanafi, Ibn Farhun dan al-Maziri daripada mazhab Maliki, Ibn Abd al-Salam daripada mazhab Syafi'i, Ibn Taimiyyah daripada mazhab Hanbali dan selain mereka. Misalnya, Ibn al-Qayyim dalam beberapa tempat dalam kitabnya antaranya *I'lam al-Muwaqqi'in* (4/374) mengatakan : "Para sahabat Nabi SAW telah menjatuhkan hudud zina dengan hanya sebab kehamilan, dalam hudud arak dengan bau dan muntah, dan ini adalah benar".

⁶⁴ Section 127, Sharia Penal Code of Katsina State 2001, Whoever commits the offence of zina shall be punished: (a) with caning of one hundred lashes if unmarried, and where the offender is a man shall also be liable to imprisonment for a term of one year; or (b) if married, with stoning to death (*rajm*).

⁶⁵ Ogbu U. Kalu, *Safiyya and Adamah: Punishing Adultery With Sharia Stones in Twenty-First-Century Nigeria*, (African Affairs, 2003, Royal African Society 2003), 394. Dua orang polis yang menyiasat kes Saffiya ialah, Korperal Aliyu Joseph yang merupakan Muslim dan Joseph U.T yang merupakan kristian.

alasan kehamilan, mengaku telah melakukan hubungan seks dengan Yakubu, beragama Islam dan pernah berkahwin.⁶⁶

Bapa Safiyya Mallam Husseini Tunga Tudu, berusia 80 tahun, mengisytiharkan bahawa "tidak ada keadilan dalam penghakiman ini. Saya tidak mahu anak perempuan saya mati di rejam". Sheikh Mohammed Mod Abubakar, Pengerusi Mahkamah Syariah Negeri Sokoto menyatakan hukuman mati telah berlaku, menentang penggunaan ujian DNA, perubatan teknologi moden, untuk menentukan sama ada Abubakar Yakubu sememangnya bapa kepada anak perempuan Safiyya. Ini adalah atas alasan bahawa syariah tidak bergantung kepada ujian darah bagi menentukan paterniti.

Apabila BAOBAB mendengar khabar mengenai kes ini, Safiyya telah dihubungi dan dia mahu membuat rayuan. Rayuan itu didengar di Mahkamah Rayuan Syariah, Sakoto pada 26 Oktober 2001. Hakim-hakim terdiri daripada Alhaji Muhammed Bello Silame (Ketua Khadi), Bello Muhammad Rabah, Abdulkadir S. Tambulwal dan Muhammad Tambari Othman. Manakala Peguam Imam Ibrahim Abdulkadir yang mengetuai peguam Cik Ezinne N. Ekekwe (BAOBAB), Hauwa Ibrahim, Ladiddi Abdulkadir, O. Omo-Osagie dan Messers Aliyu Musa Yauri, Sadiq Abubakar, Mohammed Saidu Sifawa Bola Odugbesan, Isah Mohammed dan Victor Dadieng telah menyatakan alasan ketika proses rayuan dibuat sepertimana yang berikut: i. Kekurangan bidang kuasa; ii. Mahkamah yang lebih rendah terkhilaf dari segi undang-undang dengan mengambil pengakuan perayu tanpa memberi peluang untuk memanggil saksi-saksi atau mempertahankan dirinya; iii. Tuduhan zina itu tidak dijelaskan kepada perayu; iv. Saksi tidak dipanggil oleh mahkamah yang

⁶⁶ BAOBAB for Women's Human Rights, *Sharia & BAOBAB publication*, (Copyright © 2003 BAOBAB for Women's Human Rights, Chapter 3), 13, ISBN: 978 – 35104 – 5 – 2.

lebih rendah untuk memberi keterangan bahawa perayu adalah 'Muhsan' dan begitu juga hubungan seks yang boleh menimbulkan kesalahan zina; v. perayu tidak diberi peluang untuk alamat akhir (izari) sebelum lulus penghakiman; vi. Kehamilan tidak boleh menjadi bukti muktamad zina.

Rayuan itu telah dibenarkan dan penghakiman telah diberikan pada 25 Mac 2002 berdasarkan alasan rayuan, kecuali perlembagaan sistem Kanun Keseksaan⁶⁷, yang berhujah atas alasan bidang kuasa. Safiyya telah dilepaskan dan dibebaskan.⁶⁸

4.1.1(b)Keputusan Selepas Rayuan Dan Sebab Pembatalan Rejam Ke Atas Saffiyya Husseini

Berikutan dengan pengumuman hukuman rejam ke atas Saffiyya Husseini, beberapa peguam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah campur tangan dan membantu memfailkan rayuan, yang didengar pada bulan Oktober 2001. Pada 25 Mac, 2002, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri, yang terdiri daripada empat hakim, membatalkan hukuman mati. Alasan rayuan yang telah diterima oleh mahkamah rayuan, ialah bahawa undang-undang Syariah di mana dia telah dihukum belum lagi berkuatkuasa pada masa kesalahan yang dikatakan telah dilakukan, dan tidak boleh digunakan sebagai retroaktif⁶⁹. Kesalahan yang didakwa berlaku pada bulan Disember 2000, manakala Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah Syariah berkuatkuasa pada Januari 2001. Mahkamah rayuan juga mengakui bahawa terdapat beberapa kawasan lain di mana proses yang sewajarnya

⁶⁷ Ini bermakna bahawa soalan-soalan yang telah dibangkitkan adalah fakta bahawa Kanun Keseksaan Syariah menentang prinsip-prinsip peruntukan-peruntukan perlembagaan.

⁶⁸ BAOBAB for Women's Human Rights, *Sharia & BAOBAB publication*, (Copyright © 2003 BAOBAB for Women's Human Rights, Chapter 3), 13, ISBN: 978 – 35104 – 5 – 2.

⁶⁹ Mengenai tinjauan terhadap masa yang lampau.

tidak dipatuhi semasa perbicaraan, termasuk kegagalan hakim mahkamah Syariah untuk menjelaskan jenis kesalahan yang jelas kepada defendan dan memaklumkan hak perwakilan undang-undang dan hakikat bahawa mahkamah telah mensabitkan hukuman walaupun wujud penarikan balik pengakuannya.⁷⁰

4.1.2 Amina Lawal : Latar Belakang Kes

Kes Amina Lawal adalah sama dalam banyak aspek dengan Safiya Hussein dan menarik lebih perhatian antarabangsa. Perbicaraan itu melibatkan pelbagai penyelewengan dan kegagalan untuk diikuti adalah disebabkan oleh prosesnya. Walaupun Negeri Katsina mengguna pakai Kanun Keseksaan Syariah apabila undang-undang Syariah diperkenalkan di negeri ini pada tahun 2002, namun masih tidak ada kod tatacara jenayah Syariah pada masa perbicaraan Amina Lawal.

Seperti Safiya Hussein, Amina Lawal, seorang perempuan yang bercerai pada usia lingkungan 30-an itu datangnya daripada latar belakang yang miskin, didakwa dengan kesalahan zina kerana mempunyai seorang anak di luar pernikahan yang sah. Dia telah dibicarakan oleh mahkamah Syariah yang lebih rendah di Bakori, Negeri Katsina, dan pada 22 Mac 2002, hakim menjatuhkan hukuman mati dengan rejam.⁷¹ Seperti mana hal Safiya Hussein, kehamilannya dan pengakuan beliau telah dianggap sebagai keterangan yang mencukupi untuk mensabitkan kesalahannya. Yahaya Abubakar, lelaki yang didakwa bapa

⁷⁰ Human Right Watch, "Political Shari'a"? , Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria, (Vol. 16, No. 9 (A) September 2004), 34.

⁷¹ Amina Lawal v. The State, KTS/SCA/FT/86/2002, A.A. Bello, Zina (Adultery) in Islamic Criminal Law in Nigeria: The Gender Issues in Amina Lawal's Case, 4. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1119684> Human Right Watch, "Political Shari'a"? , Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria, Vol. 16 No. 9 (A), 35. Aliyu Musa Yamuri, On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal, From P. Ostien, ed, Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook, (Ibadan: Spectrum Books Ltd, 2007, Vol. V, Chapter 6, Part VII). 132. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1470205>.

kepada bayi, menafikan apa-apa penglibatan dan telah dilepaskan kerana kekurangan bukti. Amina Lawal tidak mempunyai perwakilan undang-undang semasa perbicaraan itu dan tidak dimaklumkan mengenai hak untuk mengambil perkhidmatan seorang peguam; dan dia pula tidak sedar akibat mengaku untuk kesalahannya. Lalu kes ini mendapat perhatian meluas dari segi publisiti, beberapa peguam dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan campur tangan bagi pihak beliau dan membantu menyerahkan rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah di Funtua.⁷² Pada 19 Ogos 2002, Mahkamah Tinggi Syariah mengekalkan hukuman mati, dan menambahkan kesedihan kepada masyarakat antarabangsa. Apabila hujah-hujah Amina Lawal yang dibangkitkan mengenai pelanggaran hak-hak mereka di bawah perlembagaan Nigeria, hakim berkata beliau tidak terikat dengan perlembagaan, hanya terikat dengan Syariah. Walau bagaimanapun, penghakimannya gagal untuk menghormati prinsip-prinsip Syariah, kerana beliau gagal untuk memberi hak kepada Amina Lawal untuk menarik balik hak pengakuan yang diperuntukkan di bawah undang-undang Syariah.

Rayuan lanjut ketika itu difailkan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri. Pada 25 September 2003⁷³, Mahkamah Rayuan Negeri membatalkan hukuman mati atas beberapa alasan, termasuk terdapat bukti yang mencukupi untuk mensabitkan Amina Lawal dan bahawa dia ada hak untuk menarik balik pengakuannya. Empat daripada lima hakim di mahkamah rayuan telah bersetuju menerima alasan bagi rayuan itu. Seorang hakim lagi berbeza pendapat dan berhujah bahawa Amina Lawal telah didapati bersalah,

⁷² Aliyu Musa Yamuri, *On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal*, From P. Ostien, ed, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, (Ibadan: Spectrum Books Ltd, 2007, Vol. V, Chapter 6, Part VII). 132-133. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1470205>.

⁷³ Lihat nota kaki no.61, Asifa Quraishi, *What if Sharia Weren't the Enemy? Rethinking International Women's Rights Advocacy on Islamic Law*, (Legal Studies Research Paper Series Paper No. 1154, Columbia Journal of Gender and Law Volume 25, No. 5, 2011), 19, <http://ssrn.com/abstract=1762767>, ISSN: 1067-6220.

menggambarkan lagi risiko membenarkan hanya seorang lagi hakim untuk membicarakan kes-kes seperti ini, seperti di mahkamah Syariah yang lebih rendah dan atas.⁷⁴

4.1.2(a) Analisis Strategi Pembelaan Ke Atas Amina Lawal

Amina Lawal telah didakwa dengan kesalahan zina dengan Mohammed Yahaya pada 15 Januari, 2002. Yahaya telah dibebaskan selepas mengangkat sumpah dengan Al-Quran bahawa dia tidak mempunyai hubungan seks dengan Amina Lawal. Amina disabitkan zina oleh hakim tunggal, iaitu Alhaji Nasiru B. Dayi. Amina didapati bersalah dan kemudiannya dijatuhi hukuman mati dengan rejam oleh hakim mahkamah syariah yang lebih rendah di Bakori. Alasan untuk disabitkan zina, kehamilan dan kewujudan *Wasilah* (anaknya yang dilahirkan di luar perkahwinan).⁷⁵

Satu rayuan telah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah, di Funtua, pada 28 Mac 2002 oleh Alhaji Aliyu Abdullahi, Alhaji Umar Ibrahim, Alhaji Bello Usman dan Alhaji Mamuda Suleiman. Rayuan itu telah diketuai oleh Kemajuan Hak Wanita dan Perlindungan Alternatif (WRAPA) dengan sokongan BAOBAB dan lain-lain organisasi yang berkenaan. BAOBAB memantau secara teliti, menghadiri mesyuarat dengan beberapa pihak yang berkenaan dengan kes ini dan hadir di mahkamah atas semua keadaan. Mallam Musa Yawuri membawa Cik Maryam Imhanobe dan Cik Hauwa Ibrahim dalam kes rayuannya.

⁷⁴ Human Right Watch, "Political Shari'a"? , *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria*, Vol. 16 No. 9 (A), 35.

⁷⁵ A.A Bello, *Zina (Adultery) in Islamic Criminal Law in Nigeria: The Gender Issues in Amina Lawal's Case*, 4. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1119684>. Hauwa Ibrahim, *Reflections: Rule of Law Prevails in the Case of Amina Lawal*, Hauwa Ibrahim analyzes the Sharia court ruling of the Amina Lawal stoning case in Nigeria, December 2003, <http://islamopediaonline.org/editorials-and-analysis/hauwa-ibrahim-analyzes-sharia-court-ruling-amina-lawal-stoning-case-nigeria>, di akses pada 10 Julai 2013.

Ini merupakan rayuan pertama yang gagal atas apa jua keadaan dan keputusan mahkamah pertama didukung oleh Mahkamah Tinggi Syariah, di Funtua pada 19 Ogos 2002. Rayuan kedua kemudiannya difailkan di Mahkamah Rayuan Syariah, di Katsina. Rayuan ini mengalami beberapa kali penangguhan sebelum akhirnya dilayan pada 27 Ogos 2003. Hujah yang telah diambil kepada kedua-dua pihak dan perkara itu dikhaskan untuk penghakiman pada 25 September 2003.⁷⁶

Pada 25 September 2003, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Katsina, telah memberikan pendapat dan pertimbangan terhadap beberapa isu-isu asas. Yang Arif Khadi Mahkamah, membaca penghakiman bersama tiga hakim yang lain, memutuskan bahawa pihak polis tidak sepatutnya mengenakan Amina Lawal atas kesalahan zina kerana ia tidak berada dalam tanggungjawab perlembagaan mereka. Mahkamah juga memutuskan:⁷⁷ 1. Bahawa, bagi sesuatu kesalahan zina untuk dibuktikan, kedua-dua orang yang dituduh perlu dilihat melaksanakan perbuatan zina secara terbuka oleh sekurang-kurangnya empat orang dewasa lelaki yang bertanggungjawab); 2. Lelaki yang dituduh bersama Amina Lawal tanpa membuktikankan bahawa empat orang saksi telah melihat perbuatan zina, adalah kesilapan dan tidak boleh kekal di hadapan Mahkamah; 3. Sejak Amina Lawal (tertuduh pertama) bukan isteri kepada Yahaya Mohammed (tertuduh kedua) ketika perbicaraan itu, dia tidak boleh didakwa dengan kesalahan zina menurut Undang-undang Syariah; 4. Bahawa sesiapa yang menuduh zina dan tidak dapat membuktikannya maka ia harus disebut sebanyak 80 kali; 5. Bahawa jika empat saksi belum ditubuhkan, tertuduh

⁷⁶ Yawuri, Aliyu Musa, *On Defending Saftiyatu Hussaini and Amina Lawal*, (Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook., Vol. 5), 129-139, Philip Ostien, ed., (Spectrum Books Ltd., 2007), 133. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1470205>. Human Right Watch, "Political Shari'a"? , *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria*, Vol. 16 No. 9 (A), 35.

⁷⁷ Hauwa Ibrahim, *Reflections: Rule of Law Prevails in the Case of Amina Lawal*, Hauwa Ibrahim analyzes the Sharia court ruling of the Amina Lawal stoning case in Nigeria, (December 2003), <http://islamopediaonline.org/editorials-and-analysis/hauwa-ibrahim-analyzes-sharia-court-ruling-amina-lawal-stoning-case-nigeria>, di akses pada 10 Julai 2013.

hendaklah dilepaskan dan dibebaskan; 6. Bahawa ia adalah satu penyalahgunaan undang-undang Mahkamah Jenayah Syariah bagi seorang hakim duduk bersendirian ketika perbicaraan itu apabila undang-undang yang diperuntukkan memerlukan kepada tiga panel hakim; 7. Bahawa pengakuan perayu tidak sah; 8. Bahawa perbicaraan Mahkamah gagal untuk memberi Amina Lawal peluang untuk menarik balik atau mengakui kesalahan pengakuannya sekurang-kurangnya empat kali; 9. Bahawa jika seseorang menuduh orang yang didakwa lalu ia mengaku manakala tertuduh kedua enggan mengaku, maka itu tidak dikatakan sebagai zina; 10. Bahawa orang yang dituduh tidak boleh bersumpah dengan al-Quran tetapi hanya boleh mengangkat sumpah atas nama Allah; 11. Bahawa rekod-rekod perbicaraan di mahkamah mengenai pengakuan Amina Lawal adalah tidak jelas, dan dengan apa-apa keraguan wujudnya keraguan mestilah diselesaikan secara memihak kepada orang yang dituduh. Mahkamah menceritakan seluruh kisah Ma'iz (orang yang didakwa melakukan zina) untuk perkara ini; 12. Bahawa beban bukti Zina adalah ditanggung oleh pendakwa dan bukan kepada tertuduh. Cik Lawal mengandung dan melahirkan anak yang merupakan produk bekas suami; 13. Bahawa si tertuduh boleh menarik balik pengakuan pada bila-bila masa sebelum penghakiman, dan mahkamah perbicaraan harus terima ini; 14. Yang menarik balik atau membatalkan pengakuan tidak boleh dihukum.

4.1.2(b) Keputusan Kes Setelah Rayuan

Kes ini telah berjaya dibicarakan di bawah Undang-undang Syariah Katsina di hadapan mahkamah Syariah. Mahkamah Rayuan Syariah menyatakan bahawa Islam dan Syariah menyediakan Perlindungan Kebebasan dan Keadilan, dan untuk semua sebab-sebab yang dibentangkan di atas, Mahkamah telah menolak semua tuduhan terhadap Cik Amina Lawal lalu beliau dilepaskan dan dibebaskan.

4.1.3 Fatimah Usman dan Ahmadu Ibrahim

Fatima Usman,⁷⁸ berumur 28 tahun, telah berkahwin sebelum ini dan mempunyai empat orang anak daripada bekas suaminya, telah diceraikan beberapa tahun sebelum kes bermula. Berikutan perceraian itu, beliau memulakan hubungan dengan Ahmadu Ibrahim, jiran berusia 32 tahun, yang juga telah berkahwin dan ada dua orang anak. Kedua-duanya datang daripada latar belakang keluarga yang miskin; Ahmadu Ibrahim memperoleh pendapatan hidup beliau daripada menjual kayu api. Menurut Fatima Usman, Ahmadu Ibrahim berjanji untuk mengahwininya, tetapi apabila dia menjadi hamil, Ahmadu Ibrahim telah berubah fikiran. Ahmadu mendakwa bahawa dia telah merancang untuk berkahwin dengan Fatima, tetapi isterinya sendiri enggan membenarkan Ahmadu Ibrahim mengahwini Fatima dan bapa kepada Fatima Usman pula tidak mahu anak perempuannya berkahwin dengan Ahmadu Ibrahim kerana dia terlalu miskin. Fatima Usman kemudian diatur untuk berkahwin dengan lelaki lain, yang tidak menyedari bahawa dia telah hamil daripada hubungan dengan Ahmadu Ibrahim. Sejak suami baharunya mendapati bahawa dia

⁷⁸ (The Couple) vs The State, Hauwa Ibrahim, and Princeton N. Lyman, *Reflections on the New Shari'a Law in Nigeria*, Prepared in cooperation with the Africa Policy Studies Program at the Council on Foreign Relations, (June 2004).

mengandung, dan Fatima Usman sendiri mengesahkan bahawa bayi itu bukan miliknya, dia membubarkan perkahwinan. Fatima kemudian meletakkan tekanan ke atas Ahmadu Ibrahim untuk menerima tanggungjawab terhadap anaknya. Ahmadu Ibrahim membayar Naira 5000 (kira-kira AS \$ 35) tetapi tidak mampu untuk membayar lebih daripada itu. Bapa Fatimah mengatur perkahwinan dengan seorang lelaki ketiga, selepas bayi itu dilahirkan. Ahmadu Ibrahim berkata beliau tidak mampu untuk menjaga bayi kerana dirinya sakit.⁷⁹

Bapa Fatimah Usman mendakwa Ahmadu Ibrahim ke mahkamah dengan harapan memaksa dia menerima sekurang-kurangnya tanggungjawab kewangan untuk anaknya. Ahmadu Ibrahim dan Fatima Usman kedua-duanya muncul di Mahkamah Tinggi Area Gawu Babangida, dalam kerajaan tempatan Gurara, dan didakwa dengan zina, walaupun tuntutan asal bapa yang berkaitan dengan sokongan kewangan untuk anaknya. Kedua-duanya mengakui bahawa mereka telah terlibat dalam penangguhan perhubungan. Selepas daripada itu, pada 5 Ogos 2002, hakim menjatuhkan hukuman kepada mereka penjara lima tahun atau 15000 Naira denda setiap satu (kira-kira AS \$ 107). Mereka kedua-duanya dihantar ke penjara di Suleja kerana mereka tidak dapat membayar denda. Kedua-dua mereka tidak mempunyai perwakilan undang-undang semasa perbicaraan. Menurut Ahmadu Ibrahim, hakim tidak memberitahu yang mereka boleh mempunyai seorang

⁷⁹ Hauwa Ibrahim, and Princeton N. Lyman, *Reflections on the New Shari'a Law in Nigeria*, Prepared in cooperation with the Africa Policy Studies Program at the Council on Foreign Relations, (June 2004). Human Right Watch, "Political Shari'a"? , *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria*, Vol. 16 No. 9 (A), 25.

peguam dan tidak perlu menjelaskan apa-apa bayaran. Sementara Fatima Usman berada di dalam penjara, bayi kepada Ahmadu Ibrahim meninggal dunia.⁸⁰

Kira-kira tiga minggu kemudian, pada 27 Ogos 2002, hakim yang sama telah mengubah hukuman itu atas dasar bahawa terdapat syariah dalam Niger, dan kedua-dua Fatima Usman dan Ahmadu Ibrahim dihukum rejam sampai mati⁸¹. Kedua-dua defendan hadir di mahkamah apabila hukuman baharu telah diumumkan dan mereka tidak langsung dimaklumkan mengenai perkembangan itu. Fatima Usman menjelaskan bagaimana dia mendapati: "Kami tidak tahu hakim itu telah mengenakan kami untuk rejam dan kami telah dibawa balik ke mahkamah. Mereka tidak beritahu saya apa-apa. Mereka hanya meminta saya menandatangani satu kertas. Saya tidak tahu apa yang ada pada kertas itu. Mereka tidak membacakannya untuk saya. Pada hari yang sama, saya mengetahui kami telah dihukum untuk rejam. Beberapa orang di mahkamah berkata: 'Ini adalah wanita yang akan dilempar batu sehingga mati' saya terdengar mereka bercakap sesama sendiri. Saya merasa amat takut. Saya tidak sedar bahawa ia adalah satu kemungkinan." Ahmadu Ibrahim tidak langsung dimaklumkan sama sekali: " Saya tidak tahu apa yang sedang berlaku dengan kes ini. Saya menghabiskan masa selama 83 hari di dalam penjara. Ketika saya diselamatkan, saya mendapat tahu tentang perubahan perintah. Pegawai kanan di dalam penjara memberitahu saya. Dia berkata, saya sepatutnya dibunuh tetapi saya kini di penjara. Saya berasa sangat takut dan terkejut." Peguam dan rakan-rakan yang melawat Fatima Usman dan Ahmadu Ibrahim di dalam penjara telah diberi arahan yang ketat oleh pegawai-pegawai

⁸⁰ Hauwa Ibrahim, and Princeton N. Lyman, *Reflections on the New Shari'a Law in Nigeria*, 26. BAOBAB for Women's Human Rights, *Sharia & BAOBAB publication*, (Copyright © 2003 BAOBAB for Women's Human Rights, Chapter 3), 16, ISBN: 978 – 35104 – 5 – 2.

⁸¹ Negeri Niger belum memperkenalkan sebahagian kod keseksaan Syariah atau kod tatacara jenayah, tetapi telah dipinda kepada Kanun Keseksaan yang sedia ada untuk menjadikannya sebagai Syariah. Pada bulan November tahun 2002, Pentadbiran Undang-Undang Syariah mengubah status mahkamah kawasan kepada mahkamah Syariah.

penjara supaya tidak memberitahu mereka bahawa mereka telah dihukum mati. Penguasa penjara hanya membenarkan mereka untuk melawat Fatima Usman jika mereka tidak menyebut apa-apa mengenai hukuman mati. Beliau menegaskan bahawa hukuman mati itu hanya khabar angin, walaupun ia telah pun diumumkan dalam media. Seorang peguam yang melawat beliau di dalam penjara hanya dibenarkan bercakap dengannya di hadapan pegawai-pegawai penjara.

Setelah hakim mengubah hukuman itu, beberapa peguam yang terlibat dalam kes itu dan dibantu oleh Fatima Usman dan Ahmadu Ibrahim dalam menyediakan rayuan. Rayuan telah difailkan di mahkamah rayuan Syariah di Bandar Minna pada 17 September 2002. Pada 17 Oktober 2002, Fatima Usman dan Ahmadu Ibrahim telah dibebaskan dengan ikat jamin. Mahkamah rayuan telah mengadakan pendengaran awal pada 4 Jun 2003, tetapi kes itu ditangguhkan berkali-kali, dan yang terkini pada bulan April 2004.⁸²

Keputusan mengapa hakim memutuskan untuk menukarkan hukuman, dan apakah kuasa hakim untuk mengubah keputusan tersebut, tidak dapat dijelaskan. Keputusan ini tidak mengikuti apa-apa proses yang diiktiraf; dan ia juga melanggar prinsip. Merujuk kepada sumber-sumber terdekat dengan defendan, rasuah memainkan peranan dalam perkembangan kes itu dari awal, dan hakim yang menjatuhkan hukuman kepada mereka telah disogok dan diletakkan di bawah tekanan. Bapa Fatima Othman, yang telah memulakan kes mahkamah, telah dinasihatkan oleh pegawai-pegawai mahkamah bahawa dia boleh memenangi sejumlah wang yang besar dengan mendakwa Ahmadu Ibrahim ke mahkamah, mungkin sebanyak 150,000 Naira (kira-kira AS \$ 1,700). Beliau berkata pendaftar mahkamah telah memberitahunya "dia akan memastikan beliau melakukan apa

⁸² Human Right Watch, "Political Shari'a"? , *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria*, Vol. 16 No. 9 (A), 27.

yang saya mahu beliau lakukan." Selepas penampilan mahkamah yang pertama, sekurang-kurangnya seorang pegawai mahkamah yang lain bertanya kepada bapa Fatima Usman untuk memberi wang kepada mereka supaya mereka boleh memujuk hakim untuk memihak kepadanya. Beliau akhirnya mengeluarkan kira-kira 16.000 Naira (kira-kira AS \$ 115) dan terpaksa menjual rumahnya, mempercayai beliau akan menang ganti rugi besar jika beliau memenangi kes itu. Apabila dia gagal untuk memenangi sejumlah wang selepas penghakiman pertama, bapa Fatima Usman kembali kepada pegawai-pegawai mahkamah untuk meluahkan rasa tidak puas hatinya. Mereka memberitahunya bahawa kes ini dibicarakan di bawah Kanun Keseksaan lama, sedangkan ia sepatutnya dibicarakan di bawah undang-undang Syariah. Kemudian hakim mengubah pernyataan hukuman. Penghakiman pertama telah dilaksanakan, dan kedua-dua Fatima Usman dan Ahmadu Ibrahim telah mula menjalani hukuman penjara mereka.

Apabila *Human Rights Watch* bertemu hakim pada bulan Ogos 2003, hakim enggan bercakap tentang apa-apa aspek walaupun untuk mengesahkan maklumat yang telah diutarakan. Hakim berkata: "Saya tidak mempunyai banyak perkara untuk berbicara dan kes ini telah selesai. Sekarang perintah kes ini telah dibawa kepada kes rayuan. Semuanya di bawah prosiding mahkamah rayuan dan peguam-peguam bagi kes rayuan. Saya tidak akan bercakap mengenainya kerana saya tidak lagi bertanggungjawab untuk itu. Apa yang telah saya lakukan telah didokumenkan dan direkodkan dan telah diberikan kepada mahkamah rayuan Syariah". Beliau kemudiannya menambah: "Kami bekerja untuk kerajaan. Kami melakukan apa yang telah mereka beritahu untuk kami lakukan".

Pada bulan Disember 2003, Fatima Usman dan Ahmadu Ibrahim tidak menyedari apa-apa perkembangan lanjut dalam kes mereka dan tiada tarikh telah ditetapkan untuk

penghakiman mahkamah rayuan. Pada Mac 2004, mereka telah dilaporkan bahawa pihak Mahkamah Rayuan Syariah telah sekali lagi menangguhkan perbicaraan ke atas kes itu, kali ini sehingga 21 April 2004. Pendengaran kemudiannya ditangguhkan sekali lagi sehingga 6 Mei 2004. Menjelang Julai 2004, barulah ada tindakan selanjutnya. Selanjutnya, telah berlaku perkembangan yang mengejutkan, mendapat laporan bahawa peguam negeri Niger mendakwa bahawa mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk mendengar kes itu. Jika ini selaras maka hujah diteruskan, ia mungkin mempunyai implikasi yang besar untuk kes ini dan kes-kes lain yang serupa.⁸³

4.1.4 Jibrin Babaji

Pada tarikh 23 September 2003, Jibrin Babaji, seorang lelaki berusia awal dua puluhan dan daripada latar belakang yang miskin, telah didapati bersalah atas kes liwat dengan tiga kanak-kanak di bawah umur yang berusia lapan belas tahun dan dihukum mati dengan rejam oleh Mahkamah Syariah I, Kobi, di Negeri Bauchi.⁸⁴

Jibrin Babaji membuat pengakuan terhadap kesalahannya dan hakim menjatuhkan hukuman mati ke atasnya. Dia juga disebat sebanyak enam sebatan berdasarkan kenyataan kanak-kanak yang mendakwa telah menerima wang daripada Babaji sebagai balasan untuk melakukan hubungan seksual. Salah seorang daripada tiga kanak-kanak lelaki itu juga telah disebat serta-merta, manakala yang dua lagi tidak, kerana mereka tidak hadir dalam mahkamah. Mereka telah melaporkan untuk merayu penghakiman itu.

⁸³ Hauwa Ibrahim, and Princeton N. Lyman, Reflections on the New Shari'a Law in Nigeria, (Prepared in cooperation with the Africa Policy Studies Program at the Council on Foreign Relations, June 2004). Human Right Watch, "Political Shari'a"? , Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria, Vol. 16 No. 9 (A), 29.

⁸⁴ Ibid. Human Right Watch, "Political Shari'a"? , 30.

Kes terhadap Jibrin Babaji telah dimulakan oleh keluarga saudara kanak-kanak; yang melaporkan Jibrin Babaji kepada Hisbah⁸⁵, lalu kemudiannya telah menyerahkan beliau kepada pihak polis. Tanpa diketahui sama ada beliau mengaku kepada Hisbah atau polis, tetapi atas dasar testimoni-testimoni lain pengakuan yang diekstrak di bawah kesalahan jenayah, suatu sabitan berdasarkan pengakuan sahaja tidak boleh dinilai selamat.

Bersama-sama dengan kes-kes lain yang serupa, Jibrin Babaji tidak mempunyai perwakilan undang-undang atau akses kepada nasihat undang-undang sebelum atau semasa perbicaraan oleh Mahkamah Rendah Syariah. Perbicaraan telah diselesaikan dalam tempoh sehari, dan lain-lain perbicaraan di bawah mahkamah rendah Syariah, hanya hakim tunggal yang mensabitkan beliau. Melalui usaha organisasi hak asasi manusia, campur tangan peguam bagi pihak Jibrin Babaji dan memfailkan rayuan untuk diperdengarkan di Mahkamah Tinggi Syariah pada 10 Disember 2003. Pada pendengaran perbicaraan rayuan pertama, kesemua Hisbah tiba di premis mahkamah dan mendengar komen seperti "katanya membuat pengakuan: apa yang boleh dilakukan?" dan "penghakiman itu tidak boleh berubah" yang mendengar kali kedua berlaku pada 16 Disember dan kali ketiga pada 31 Disember.

Pada 9 Mac 2004, Mahkamah Syariah telah membebaskan Jibrin Babaji, atas alasan bahawa dia tidak pernah diberi perbicaraan. Berlaku penyelewengan prosedur yang tidak adil, mahkamah mendapati bahawa haknya untuk pertahanan undang-undang tidak dihormati.

⁸⁵ Hisbah merujuk kepada majlis timbang tara.

4.1.5 Attahiru Umaru

Pada 12 September 2001, Attahiru Umaru, seorang lelaki berusia dalam tiga puluhan, dijatuhi hukuman mati dengan rejam atas kes liwat oleh Mahkamah Syariah Tinggi I Birnin Kebbi, Bandar Kebbi.⁸⁶ Beliau dituduh atas salah laku seksual terhadap seorang kanak-kanak berusia tujuh tahun. Beliau telah mengaku salah terhadap kelakuannya dan tidak mempunyai perwakilan undang-undang semasa perbicaraan. Beliau telah merayu terhadap hukuman tersebut kepada Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kebbi. Menjelang tarikh September 2003, rayuannya masih belum selesai.⁸⁷

4.1.6 Sarimu Mohammed Baranda

Pada bulan Mei 2002, di Mahkamah Syariah di Dutse, Bandar Jigawa, Sarimu Mohammed Baranda dihukum rejam sampai mati kerana merogol seorang kanak-kanak perempuan. Namun demikian, selama sembilan tahun beliau tidak mempunyai seorang peguampun semasa perbicaraannya, lalu dia mengaku bersalah dan walaupun selepas dijatuhkan hukuman mati, beliau berkata beliau tidak mahu membuat rayuan. Orang awam yang menghadiri perbicaraan menyifatkan dia sebagai seorang yang miskin, sangat keliru dan mengalami gangguan mental. Akhirnya, pada bulan September 2002, dilaporkan bahawa ahli keluarganya telah memujuk untuk memfailkan rayuan, walaupun telah melewati tempoh tiga puluh hari untuk rayuan sejak peguam mengutarakannya. Seorang peguam yang membantu penyediaan rayuan itu berhujah bahawa defendan tidak siuman.

⁸⁶ Human Right Watch, "Political Shari'a"? , Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria, Vol. 16 No. 9 (A), 33.

⁸⁷ Ibid., 33. Rujukan: Kes ini masih tiada sebarang maklumat sehingga kini. Menurut laporan Human Right Wath.

Mahkamah rayuan Syariah di Dutse menerima rayuannya dan membatalkan hukuman mati pada bulan Ogos 2003.⁸⁸

4.1.7 Hafsatu Abu Bakar

Pada bulan Januari 2002, Hafsatu Abu Bakar, berusia kira-kira lapan belas tahun, telah dibicarakan oleh Mahkamah Syariah Atas II di Sakoto kerana telah melahirkan anak luar nikah. Luar biasanya, dalam kes ini, defendan mampu untuk mendapatkan bantuan peguam melalui BAOBAB daripada organisasi bukan kerajaan, sebelum mahkamah menentukan hukuman. Dan pada akhirnya mahkamah membebaskannya atas dasar bahawa bukti terhadapnya tidak mencukupi dan bercanggah, dan kemungkinan bahawa bayi itu dari hubungannya dengan bekas suaminya, dan bukan daripada kekasihnya. Sebahagiannya berasaskan teori "*sleeping embryo*."⁸⁹ Menurut mazhab Maliki, terdapat peruntukan bahawa bayi yang dikandung dalam tempoh lima tahun perkahwinan oleh wanita itu, kemungkinan bayi itu daripada bapanya iaitu suami, walaupun jika pasangan itu telah bercerai.⁹⁰

Hafsatu Abubakar Gwiwa berusia 18 tahun telah ditangkap pada 20hb Disember 2001 di kediamannya kerana didakwa melakukan kesalahan zina (zina) di bawah seksyen 129 (b) kod penal Syariah Negeri Sakoto berkenaan beliau sedang hamil luar nikah yang dilaporkan oleh abangnya kepada pihak berkuasa syariah, yang seterusnya menyerahkannya kepada polis. Dia kemudiannya dibawa ke Balai polis Gwiwa Sakoto, diiringi oleh ibunya.

⁸⁸ Human Right Watch, "Political Shari'a"? , Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria, Vol. 16 No. 9 (A), 33.

⁸⁹ For further details of the case, see Chapter 3 of Baobab for Women's Human Rights and Shari'a Implementation in Nigeria: The journey so far, Baobab for Women's Human Rights, (Lagos, 2003). Also see press articles including "Adultery: Shari'a court frees Hafsatu," (The Punch, January 24, 2002).

⁹⁰ BAOBAB for Women's Human Rights, Sharia & BAOBAB publication, (Copyright © 2003 BAOBAB for Women's Human Rights, Chapter 3), 12, ISBN: 978 – 35104 – 5 – 2.

Hafsatu telah berada di Mahkamah Syariah Atas Mahkamah Sokoto II. Apabila kes itu disebut, Hafsatu menafikan telah berkahwin sebagaimana yang didakwa oleh polis pendakwaraya Na Allah. Kes itu ditangguhkan ke 9 Januari 2002 dan polis pendakwaraya perlu membuat kesimpulan penyiasatannya mengenai perkara itu.

Apabila kes disebut sekali lagi untuk didengar, Pendakwaraya Polis mengatakan bahawa Hafsatu pernah berkahwin dengan Muhammad Dan Jabo, dan bahawa dia telah bersedia untuk membawa saksi-saksi bagi kenyataannya itu. Kes itu ditangguhkan ke 21 Januari 2002 dan membolehkan Pendakwaraya Polis mengemukakan saksi-saksi itu. Apabila masih tidak dapat menghasilkan saksi-saksi itu, kes itu ditangguhkan ke hari tertentu dan Hafsatu Abubakar telah diberikan ikat jamin.

Apabila kes sebut untuk didengari pada 21 Januari 2002, Pendakwaraya Polis telah membentangkan tiga orang saksi:⁹¹ i. Muhammadu Dan Jabo, 38 tahun, seorang petani yang memberi keterangan bahawa dia telah berkahwin dengan Hafsatu dan hidup bersama selama lapan bulan tetapi beliau telah bercerai lapan belas bulan sebelum itu. ii. Muhammadu Gidado (59 tahun) yang mengesahkan bahawa kedua-dua sekali pernah berkahwin antara satu sama lain. iii. Mod UML Tonka (35 tahun) pula juga disokong kedua-dua pertama saksi. Pendakwa telah menutup kesnya sementara kes itu ditangguhkan ke hari berikut untuk pembelaan.

Peguam Hafsatu, Abdulkadir Imam Ibrahim, yang berkhidmat untuk BAOBAB untuk Hak Asasi Wanita, yang berhujah di mahkamah syariah apabila kes disebut sekali lagi pada 21 Januari 2002 bagi perkara-perkara berikut:⁹² 1. Penarikan balik kenyataan awal

⁹¹ BAOBAB for Women's Human Rights, *Sharia & BAOBAB publication*, (Copyright © 2003 BAOBAB for Women's Human Rights, Chapter 3), 12, ISBN: 978 – 35104 – 5 – 2.

⁹² Ibid., BAOBAB for Women's Human Rights, *Sharia & BAOBAB publication*.

yang diakui Hafsatu Abubakar bahawa dia telah hamil anak kepada Umaru Shehu. Beliau berhujah dengan rujukan kepada beberapa pihak berkuasa Undang-undang Islam di mana peruntukan dibuat untuk penarikan balik kenyataan yg diakui sebelum pelaksanaan dalam hukuman *hadd*, seperti Mukhtasar Vol. II, hlm. 285.⁹³ 2. Keraguan yang dicipta oleh bukti-bukti bekas suami, Mohammad Dan Jabo sebagai sama ada dia adalah bapa kanak-kanak atau tidak. Pada dasarnya, mengikut syariah, jika terdapat keraguan, kes harus diputuskan memihak kepada orang yang dituduh.⁹⁴ 3. Menurut keterangan yang telah diberikan oleh bekas suaminya dan berdasarkan teori embrio tidur (kehamilan yang tidak aktif), mengandung boleh dikaitkan dengan bekas suaminya.⁹⁵

Selepas peguam hafsatu berhujah, hakim yg arif (Alkali) Hon. Bawa Muhammad Tambuwal memerintahkan memihak kepada Hafsatu Abubakar Gwiwa lalu beliau dilepaskan dan dibebaskan.

4.1.8 Maryam Abu Bakar Bodinga

Maryam Abubakar Bodinga dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah 11 di Negeri Sokoto atas tuduhan berzina pada bulan September 2002. Beliau juga dibebaskan selepas mahkamah memutuskan bahawa bayinya merupakan kehamilan dengan bekas suaminya.⁹⁶

⁹³ Ibid., 12, *Mukhtasar* Vol. II, 285.

⁹⁴ Ibid., *Fiqhu - Al-Sunnah* Vol II , 241 dan *Bidayat - Almiytahid, wa ni Hayatu al -muqtasid* Vol. II, 470.

⁹⁵ Ibid., 12, *Ihkamul - Ahkam*, 118.

⁹⁶ Human Right Watch, "Political Shari'a"? , *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria*, Vol. 16 No. 9 (A), 36.

4.1.8(a) Kronologi Kes

Maryam telah ditangkap sebelum di bawa ke Mahkamah Tinggi Syariah 11 Negeri Sakoto bagi kesalahan zina bertepatan mengikut seksyen 129(b) Kod Jenayah Syariah pada 24 September 2002. Maryam telah menafikan dan telah ditahan reman di penjara sehingga 8 Oktober 2002.⁹⁷ Pada hari pendengaran kes, Peguam Al-Mustapha, yang berkhidmat untuk BAOBAB muncul bagi memihak kepada Maryam. Beliau telah memohon jaminan dan telah diterima jaminan tersebut lalu meminta untuk menangguhkan kes untuk mengkaji semula fakta-fakta kes yang berkaitan. Kes telah ditangguhkan dan dibawa ke tarikh 31 Oktober 2002. Pada hari tersebut Al-Mustapha berhujah bahawa Maryam tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah seksyen 129 (b) kerana dia melahirkan bayinya kurang daripada satu tahun diceraikan oleh bekas suaminya. Ini adalah prinsip Mazhab Maliki yang menyediakan untuk waktu yang lama tempoh matang hamil di antara 5-7 tahun selepas perceraian. Hakim mahkamah syariah yang arif bersetuju dengan hujah Al-Mustapha lalu dilepaskan dan dibebaskan Maryam.⁹⁸

4.2 Kesimpulan

Hasil dari analisis di atas menunjukkan bahawa kelapan-lapan kes tersebut berakhir dengan keputusan dilepaskan dan dibebaskan. Ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan rejam tidak pernah berlaku sama sekali. Kegagalan pelaksanaan rejam di Nigeria didorong oleh beberapa faktor seperti kegagalan sistem mahkamah syariah membentuk prosedur secara sistematik dan terancang, kegagalan triti antarabangsa dalam memperjuangkan hak-

⁹⁷ BAOBAB for Women's Human Rights, *Sharia & BAOBAB publication*, (Copyright © 2003 BAOBAB for Women's Human Rights, Chapter 3), 13, ISBN: 978 – 35104 – 5 – 2.

⁹⁸Ibid., BAOBAB for Women's Human Rights, *Sharia & BAOBAB publication*, 13

hak asasi manusia di Nigeria, yang hanya dapat menyatakan Kanun Jenayah Syariah Nigeria merupakan pelanggaran hak-hak asasi manusia namun tuduhan ini tidak berasas sama sekali. Faktor lain yang juga mendorong kegagalan hukuman rejam di Nigeria berkemungkinan disebabkan adat dan budaya Nigeria itu sendiri seperti permasalahan jantina iaitu lelaki diberi banyak kelebihan berbanding wanita, baik dari segi pendidikan, mahupun pekerjaan dan lain-lain. Faktor-faktor tersebut telah mencetuskan beberapa respon tempatan dan antarabangsa untuk menyatakan pandangan mereka mengenai hukuman rejam di Nigeria.

Bab yang seterusnya (Bab V) akan membincangkan topik mengenai respon masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap pelaksanaan rejam di Nigeria dalam konteks hak asasi manusia.

BAB V

RESPON MASYARAKAT TEMPATAN DAN ANTARABANGSA TERHADAP PELAKSANAAN REJAM DI NIGERIA

Pengenalan

Di bab V membicarakan mengenai respon masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap pelaksanaan rejam di Nigeria. Bab ini menghuraikan persoalan samaada pelaksanaan rejam di Nigeria menerima respon yang baik atau sebaliknya, manakala dari aspek hak asasi manusia samaada ia sebagai permasalahan jantina, brutal atau diskriminasi terhadap kaum wanita.

5.1 Respon Ahli Akademik Terhadap Pelaksanaan Hukuman Rejam di Nigeria

Beberapa ahli akademik seperti Olufemi, Pittin dan VerEecke, berpendapat pelaksanaan hukuman rejam di Nigeria mencetuskan kebimbangan terhadap struktur ketidaksamarataan dalam permasalahan jantina. Walaupun Nigeria memiliki kepelbagaian etnik dan agama, namun peranan lelaki dan wanita cukup menampakkan diskriminasi mereka terhadap kaum wanita yang dilarang untuk bekerja, dinafikan hak mereka untuk mewarisi harta dan untuk mendapatkan pasport sama ada untuk belajar ataupun untuk mencari pekerjaan dan memandang ringan soal kesihatan kaum wanita yang dilarang untuk berkhatan.

Pittin dan VerEecke berhujah bahawa penjajahan juga menyumbang kepada pengurangan hak wanita.⁹⁹ VerEecke berhujah bahawa kaum wanita di Yola secara meluas terlibat dalam perhambaan pengeluaran pertanian sebelum Jihad Fulani pada abad ke-18. Pittin juga berhujah bahawa sifat diskriminasi terhadap wanita dalam pendidikan juga dipengaruhi oleh penjajahan. Merujuk kepada respon perbahasan terhadap pendidikan pra-kolonial wanita Islam, Pittin berkata:

“Sejauh mana kurang atau tingginya peluang dilahirkan sebagai wanita Islam dalam tempoh pra-kolonial untuk mendapat mana-mana pendidikan, lebih atau kurang peluang untuk meneruskannya, masih diselubungi oleh kabus sejarah. bahawa kebanyakan wanita telah diberikan pendidikan Islam yang sangat terhad. Malah, isu peluang mendapat pendidikan atau peluang untuk pendidikan berterusan mungkin jarang timbul, hanya tanggungjawab diberikan kepada wanita dan gadis dalam bidang domestik, terutamanya hamba atau pengkhidmat, pergerakan awal wanita ke dalam perkahwinan dan penglibatan mereka dalam pertanian, pemprosesan, dan pengeluaran komoditi runcit. Oleh itu, sejarah, jantina dan kelas adalah penentu utama dalam menghadkan peluang pendidikan wanita, dengan ideologi serentak menyediakan asas kedua-duanya untuk menyokong pendidikan itu dan untuk menghadkan ia.¹⁰⁰”

Namun respon mereka disanggah oleh Pertubuhan Kebebasan Sivil Nigeria yang menyatakan:

⁹⁹ Catherine VerEecke “Muslim Women Traders of Northern Nigeria: Perspectives from the City of Yola” (Ethnology, Summer 1993, Vol. 32:3), 217-336.

¹⁰⁰ Pittin, Renee., Selective Education: Issues of Gender, Class and Ideology in Northern Nigeria, Review of African Political Economy, (Autumn 1990:48), 7-25.

“Beban diskriminasi diletakkan pada wanita termasuk menjaga kesucian mereka, membuat kerja perkahwinan, kawalan kesuburan, dan beban yang "bersih dan wajar" sebagaimana simbolik bagi wanita yang berkhatan. Sesungguhnya wanita Nigeria dilayan lebih baik berbanding binatang bebanan...¹⁰¹”

Sebagai perbandingan, pendirian awal Olufemi adalah lebih bermasalah. Dalam masyarakat tradisional Nigeria, peranan wanita telah diambilkira. Wanita berperanan untuk memupuk kanak-kanak dan menjaga rumah. Seperti pandangan tradisional mempunyai kesan-kesan petanda yang tidak baik bagi pembangunan sosial dan ekonomi. Wanita diberi peluang pendidikan yang kurang berbanding lelaki. Mereka juga dinafikan dalam pekerjaan yang didominasi oleh lelaki dalam bidang kejuruteraan, seni bina dan perancangan bandar.¹⁰²

5.2 Respon Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) Terhadap Pelaksanaan Hukuman Rejam di Nigeria

Sebuah badan organisasi NGO Wanita Nigeria iaitu *BOABAB* for human's right¹⁰³ menggunakan undang-undang Syariah untuk membantu wanita Nigeria dan merupakan contoh yang bagus bagaimana hak wanita boleh difahami dengan gambaran mengikut

¹⁰¹ Akumadu, Theresa U., *Beasts of Burden: A Study of Women's Legal Status and Reproductive Health Rights in Nigeria* Lagos, (Nigeria: Civil Liberties Organisation, 1998).

¹⁰² Olufemi, Sola., *Mobilizing Women for Rural Development: Some principles for Success from Nigeria, Women & Environments*, (April 1993, Vol. 13:3-4), 33-35.

¹⁰³ *BAOBAB for women's human rights, a history of BAOBAB*, <http://www.baobabwomen.org/history.html>, di akses pada 20 April 2013. BAOBAB adalah sebuah nama pokok hanya digunakan sebagai simbolik. BAOBAB for women's human rights merupakan badan NGO Nigeria yang berpusat di Lagos yang berkhidmat kepada masyarakat Nigeria terutama wanita yang tidak mampu dan memerlukan bantuan guaman bagi memperjuangkan hak-hak asasi mereka.

budaya tempatan itu sendiri, tanpa memerlukan luaran norma-norma hak asasi manusia Barat.

Sejarah sebelum tertubuhnya *BOABAB*, pada 1993, sebuah rangkaian perpaduan antarabangsa iaitu *Wanita Yang Hidup Di Bawah Undang-undang Islam*,¹⁰⁴ telah menjalani projek penyelidikan selama tiga tahun di Nigeria. Pelbagai aspek undang-undang Islam dan hak-hak wanita di Nigeria diperiksa dan disemak semula. Pada 1996 projek itu berakhir selepas menghasilkan banyak kajian. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa banyal wanita di utara Nigeria¹⁰⁵ mengalami sekatan hak asasi manusia dan tidak dapat membela hak mereka kerana kurangnya peguam, baik dalam hal pengetahuan tentang hak mereka dan dalam hal untuk mendapatkan bantuan perundangan, seperti peguam.¹⁰⁶ *BOABAB* untuk hak asasi wanita ditubuhkan untuk meningkatkan kesedaran tentang hak wanita di Nigeria,¹⁰⁷ untuk melakukan penyelidikan dan memberikan maklumat kepada wanita tentang hak mereka.

Pada tahun 2000, *BOABAB* telah melanjutkan kegiatan mereka untuk memberikan pembelaan undang-undang dan sokongan untuk wanita yang tidak adil dibebankan di bawah kod jenayah Syariah di Nigeria. Sebahagian besar kes wanita *BOABAB* merupakan kes rayuan terhadap hukuman sebatan atau rejam untuk tuduhan zina (aktiviti seksual yang menyalahi undang-undang). Kes yang paling terkenal adalah Amina Lawal, yang didakwa melakukan zina pada tarikh 15 Januari 2002 dan dijatuhi hukuman mati melalui hukuman rejam. *BOABAB* menyediakan bantuan perundangan seperti peguam untuk membuat rayuan

¹⁰⁴ *Women Living Under Muslim Law*, <http://www.wluml.org/>, di akses pada 25 April 2013.

¹⁰⁵ Utara Nigeria merupakan majoriti Muslim dan telah tunduk kepada kod Jenayah Syariah sejak tahun 1999.

¹⁰⁶ *BAOBAB*, (*Annual Report 2008*), 3. <http://www.baobabwomen.org>. di akses pada 1 Jun 2013.

¹⁰⁷ *Ibid.*, 3. <http://www.baobabwomen.org>. Di akses pada 1 Jun 2013.

dan beliau dibebaskan pada bulan September 2003¹⁰⁸. Perkhidmatan *BOABAB* sedikit sebanyak membantu wanita dalam menangani kes-kes rayuan untuk mempertahankan hak wanita di Nigeria.

Selain itu, terdapat satu lagi badan organisasi NGO Nigeria iaitu Kemajuan dan Perlindungan Alternatif Hak-hak Wanita¹⁰⁹ ditubuhkan bagi pengkhususan promosi dan perlindungan hak asasi perempuan melalui pendidikan, advokasi politik, dan penyediaan perkhidmatan undang-undang di Nigeria.¹¹⁰ Badan perlindungan yang ditubuhkan ini mempunyai konsep dan peranan yang lebih kurang sama dengan *BAOBAB*, juga berperanan untuk melindungi diskriminasi dan kekerasan terhadap kaum wanita di Nigeria dengan menyediakan perkhidmatan undang-undang dan mempromosikan perlindungan hak-hak asasi wanita di Nigeria.

5.3 Respon Antarabangsa Terhadap Hukuman Rejam di Nigeria

Pada peringkat antarabangsa, pengenalan syariah pada 2000 telah menjadikan Nigeria menjadi tumpuan antarabangsa, iaitu dengan pernyataan kematian hukuman rejam sampai mati yang dikenakan terhadap Safiya Hussein pada 2001¹¹¹ dan Amina Lawal pada 2002¹¹² telah menimbulkan respon kemarahan dalam kalangan masyarakat tempatan, organisasi wanita, organisasi hak asasi manusia, parlimen dan ahli masyarakat umum di

¹⁰⁸ *BAOBAB, Implementation of the Sharia in Nigeria: The journey so far*, (2003), 14. <http://www.baobabwomen.org>. Diakses pada 1 Jun 2013.

¹⁰⁹ *Women's Rights Advancement and Protection Alternative (WRAPA)*, WRAPA is a Nigerian NGO, headquartered in Abuja.

A.M Yamuri, *On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal*, From P. Ostien, ed., *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, (Ibadan: Spectrum Books Ltd., 2007, Volume V, Chapter 6, Part VII), 129, available at: <http://ssrn.com/abstract=1470205>, di akses pada 20 April 2013.

¹¹⁰ *Ibid.*, *On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal*, 129.

¹¹¹ Rujuk bab 3, kes-kes berkaitan hukuman rejam di Nigeria, kes Saffiya Hussaini.

¹¹² *Ibid.*, kes Amina Lawal.

kebanyakan negara. Kes mereka telah menjadi objek bantahan rayuan dan petisyen dari seluruh dunia. Terdapat organisasi antarabangsa menumpukan secara khusus pada kes Safiya Husseini dan Amina Lawal, bagi mendesak kerajaan Nigeria untuk memastikan bahawa kedua mereka hidup selamat. Selain itu juga untuk menamatkan diskriminasi terhadap wanita dan penghapusan hukuman mati.

Pertubuhan antarabangsa seperti pertubuhan bangsa-bangsa bersatu telah menubuhkan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat,¹¹³ salah satunya tidak boleh mengenakan hukuman mati terhadap kesalahan seperti berzina. Seperti diketahui, Nigeria adalah sebuah negara yang banyak menandatangani perjanjian dengan hak-hak asasi manusia dan mestilah mengikut dan mematuhi perjanjian tersebut mengatasi perlembagaan Nigeria sendiri. Maka dengan sendirinya, Nigeria terikat dengan undang-undang antarabangsa iaitu hukuman mati adalah tidak relevan terhadap kesalahan zina walaupun undang-undang Islam meletakkan hukuman rejam ke atas pesalah yang melakukan kesalahan zina dan Nigeria perlu membatalkan hukuman rejam di atas nama perjanjian tersebut. Maka di sinilah letaknya kelemahan sistem Mahkamah Syariah Nigeria kerana tidak mampu dan tidak berupaya untuk membuat keputusan sendiri apabila melibatkan hal ehwal Islam di Nigeria.

Satu organisasi antarabangsa iaitu Amnesty International¹¹⁴ juga membantah hukuman rejam dilaksanakan terhadap Saffiya Hussaini. Amnesty International telah menghantar e-petisyen dari beberapa buah negara seperti Jepun, Itali, Ireland, Belgium, Sweden, Sepanyol, Greece, Croatia, Jamaica, Kanada, Amerika Syarikat dan United

¹¹³ United Nations, *The Universal Declaration Of Human Rights*, <http://www.un.org/en/documents/udhr/index.shtml>, di akses 12 Mei 2013.

¹¹⁴ Amnesty.org.uk, *Nigeria: Safiya stoning must be stopped*, 19 March 2002, http://www.amnesty.org.uk/news_details.asp?NewsID=13698, di akses pada 25 September 2012.

Kingdom untuk mendesak kerajaan Nigeria membatalkan hukuman mati terhadap Saffiya Hussaini. Sememangnya Amnesty International amat membantah hukuman mati dalam apa jua keadaan sekalipun, amat memperjuangkan hak asasi manusia dan berulang kali membuat rayuan agar hukuman mati dibatalkan.

Selain itu, organisasi Human Rights Watch¹¹⁵ juga menyatakan respon mereka terhadap kes rejam terhadap Amina Lawal. Mereka juga menentang dan membantah segala bentuk hukuman mati dalam apa jua keadaan sekalipun sama seperti pandangan dari Amnesty International. Mereka juga merayu dan mendesak kerajaan Nigeria untuk menghapuskan hukuman mati terhadap Amina Lawal, mereka beranggapan keputusan hukuman mati adalah kejam dan tidak berperikemanusiaan dengan mengambil kira kehamilan sebagai bukti yang boleh menimbulkan keraguan. Jefferson merupakan wakil Human Rights Watch telah berulang-alik ke Nigeria dan beliau ingin memastikan keputusan hukuman mati terhadap Amina Lawal digugurkan.

5.4 Respon Golongan Feminin Terhadap Hukuman Rejam di Nigeria

Adapun kumpulan kewanitaan telah mengkritik undang-undang kesalahan zina membabitkan hukuman rejam di Nigeria dengan menyifatkan:

¹¹⁵ Human Rights Watch, Sharia Stoning Sentence for Nigerian Woman, 21 Ogos 2002, <http://www.hrw.org/news/2002/08/20/sharia-stoning-sentence-nigerian-woman>, di akses pada 25 September 2012

5.4.1 Kekejaman dan Diskriminasi Terhadap Golongan Wanita

Golongan wanita tempatan dan antarabangsa mengkritik undang-undang kesalahan zina membabitkan hukuman rejam di Nigeria kerana menganggap ia bersifat kejam dan diskriminasi terhadap golongan wanita. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan kadar kaum wanita yang dihukum rejam melalui kesalahan zina begitu ramai berbanding dengan kaum lelaki. Situasi begini disebabkan pensabitan pembuktian zina yang hanya berlaku kepada satu bukti sahaja iaitu bukti kehamilan, dan sudah pasti golongan yang terlibat adalah kaum wanita. Konsep berat-sebelah jantina menimbulkan rasa tidak puas hati golongan wanita sehingga mencetuskan kritikan berlakunya diskriminasi terhadap golongan wanita dengan membiarkan golongan lelaki yang terlibat terlepas dan tidak diambil peduli sama sekali.

Oleh itu, kesan daripada kritikan tersebut, banyak instrumen antarabangsa dan serantau telah mengambil perhatian dimensi yang berkaitan dengan isu-isu jantina hak asasi manusia, dan yang paling penting ialah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW), yang diterima pakai pada tahun 1979.¹¹⁶

a) Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW): Rang Undang-undang Antarabangsa Hak untuk Wanita¹¹⁷

Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita mentakrifkan hak wanita bebas daripada diskriminasi dan menetapkan prinsip-prinsip teras untuk melindungi hak ini. Ia membuktikan satu agenda untuk tindakan

¹¹⁶ The Human Rights of Women, <http://www.unfpa.org/rights/women.htm>, di akses pada 10 Disember 2012.

¹¹⁷ The Human Rights of Women, *CEDAW: The International Bill of Rights for Women*, <http://www.unfpa.org/rights/women.htm>, di akses pada 10 Disember 2012.

Imasogie, Mosunmola Oluwatoyin, *Gender Sensitivity and Discrimination Against Women Under Statute and Common Law in Nigeria* (November 27, 2010). OIDA International Journal of Sustainable Development, Vol. 2, No. 5, pp. 11, 2010. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1716046>.

kebangsaan untuk menamatkan diskriminasi, dan menyediakan asas untuk mencapai kesaksamaan antara lelaki dan wanita untuk memastikan akses yang sama, dan peluang yang sama dalam kehidupan politik dan awam serta pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. CEDAW adalah satu-satunya hak asasi manusia perjanjian yang mengesahkan hak reproduktif wanita.

Konvensyen ini telah disahkan oleh 180 buah negara, menjadikan ia satu perjanjian antarabangsa yang paling banyak diberi pengesahan. Perwakilan negara yang menghadiri Konvensyen mesti mengemukakan laporan berkala mengenai status wanita di negara masing-masing. Protokol Pilihan CEDAW menubuhkan prosedur untuk membuat aduan mengenai dakwaan pelanggaran Konvensyen, serta prosedur siasatan yang membolehkan Jawatankuasa untuk menjalankan siasatan yang serius dan sistematik terhadap penyalahgunaan hak asasi wanita di negara individu.¹¹⁸

Pada 1993, 45 tahun selepas Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat telah diterima, dan lapan tahun selepas CEDAW mula berkuatkuasa, Persidangan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Asasi Manusia di Vienna mengesahkan bahawa hak wanita adalah hak asasi manusia. Bahawa kenyataan ini adalah perlu untuk menarik status wanita sebagai manusia yang berhak untuk hak sepatutnya dan tidak boleh diragui. Dan ini adalah satu langkah ke hadapan dalam mengiktiraf tuntutan ahli setengah umat manusia dalam mengenal pasti pengabaian

¹¹⁸ The Human Rights of Women, *CEDAW: The International Bill of Rights for Women*, <http://www.unfpa.org/rights/women.htm>, di akses pada 10 Disember 2012. Imasogie , Mosunmola Oluwatoyin, *Gender Sensitivity and Discrimination Against Women Under Statute and Common Law in Nigeria* (November 27, 2010). OIDA International Journal of Sustainable Development, Vol. 2, No. 5, pp. 11, 2010. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1716046>.

hak-hak wanita sebagai pelanggaran hak asasi manusia dan mengambil perhatian pada hubungan antara jantina dengan pencabulan hak asasi manusia.¹¹⁹

5.4.2 Merendahkan Martabat Wanita Berbanding Dengan Lelaki

Kritikan lain golongan wanita terhadap hukuman rejam ke atas wanita di Nigeria menyifatkan sebagai merendahkan martabat wanita berbanding dengan lelaki. Ini disebabkan pelaksanaan hukuman rejam telah memberi layanan yang teruk dan sangat buruk kepada kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki. Dengan tertubuhnya CEDAW, maka hak asasi wanita dilindungi dan sebarang bentuk pencabulan hak asasi wanita adalah dilarang sama sekali.

Di Nigeria satu badan bukan kerajaan NGO iaitu *BAOBAB*¹²⁰, seperti yang telah diterangkan dalam bab yang terdahulu, merupakan satu pertubuhan untuk menjaga dan melindungi hak asasi wanita di Nigeria. Melalui pertubuhan ini, segala keperluan bagi hak wanita di Nigeria disediakan seperti menubuhkan perkhidmatan guaman sebagai satu instrumen pembelaan diri terhadap kaum wanita ketika di mahkamah. Seperti kes Amina Lawal dan Saffiya Hussaini, kedua-duanya dibantu oleh peguam mereka Hauwa Ibrahim¹²¹ untuk membantu dan membela mereka terhadap tuduhan zina dan keputusan hakim yang menjatuhkan hukuman rejam ke atas mereka. Hauwa Ibrahim merupakan peguam

¹¹⁹ The Human Rights of Women, <http://www.unfpa.org/rights/women.htm>, diakses pada 10 Disember 2012.

¹²⁰ Sila rujuk di bahagian Bab II, *BAOBAB for women's human rights, a history of BAOBAB*, <http://www.baobabwomen.org/history.html>, di akses pada 20 April 2013.

¹²¹ Hauwa Ibrahim, Senior Partner, Aries Law Firm, Abuja, Nigeria, merupakan Peguam Pembelaan sebanyak 117 kes-kes Syariah yang berkaitan, termasuk kes Amina Lawal, dan Saffiya Hussaini (dua Wanita Nigeria yang telah dihukum mati oleh rejam) sejak tahun 1999, apabila beberapa buah negeri di Nigeria menggunakan Syariah Islam dalam isu semua kes jenayah.

A.M. Yamuri, *On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal*, The Case of Hauwa Ibrahim, <http://ssrn.com/abstract=1470205>, 136-138.

A.A.Bello, *Zina (Adultery) in Islamic Criminal Law in Nigeria: The Gender Issues in Amina Lawal's Case*, Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1119684>, 2.

terkemuka dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, beliau merupakan peguam yang banyak membela kes yang melibatkan jenayah syariah di Nigeria. Kejayaan terbesar beliau ialah apabila dapat membebaskan Amina Lawal dan Saffiya Hussaini daripada dijatuhkan hukuman rejam di Nigeria. Secara umumnya, hukuman rejam di Nigeria disifatkan sebagai:-

5.4.3 Pelanggaran Hak Asasi Manusia

Menurut perkara 6 International Convention of Civil and Political Rights 1996 (ICCPR),¹²² "bagi negara yang tidak dimansuhkan hukuman mati, hukuman mati boleh dikenakan hanya untuk jenayah yang paling serius", di tambah dengan Perkara 7 ICCPR menyatakan bahawa "Tiada sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan".¹²³ Berdasarkan dua perkara tersebut menunjukkan hukuman mati tidak boleh dilaksanakan melainkan kesalahan yang paling serius termasuk juga hukuman rejam yang dianggap sebagai salah satu pelanggaran hak asasi manusia.

Nigeria merupakan negara yang merai dan telah menandatangani perjanjian ICCPR, wajib mematuhi setiap isi kandungan yang terkandung di dalam perkara tersebut, secara tidak langsung, undang-undang kesalahan zina yang mensabitkan hukuman rejam tetap dianggap sebagai pelanggaran hak asasi manusia walaupun ianya sebahagian dari hudud. Perjanjian ICCPR ini bukan sahaja Nigeria yang meraikannya, bahkan lebih lima puluh

¹²² Perkara 6, International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR), <http://www2.ohchr.org/english/law/ccpr.htm#part3>, diakses pada 13 Mei 2012.

¹²³ Lihat perkara 7, *International Covenant on Civil and Political Rights*, <http://www2.ohchr.org/english/law/ccpr.htm#part3>, diakses pada 13 Mei 2012.

buah negara termasuk negara Islam menandatangani, ini menjadikan perjanjian ICCPR merupakan suatu undang-undang yang sangat kukuh dan mesti dipatuhi kerana penerimaan antarabangsa terhadap perjanjian tersebut.

Rejam juga merupakan penyalahgunaan hak asasi manusia terhadap wanita, kerana hampir kesemuanya wanita ialah mangsa yang diketahui dikenakan rejam kerana statut (akta), nilai dan / atau adat yang mendiskriminasi terhadap wanita, undang-undang dan adat mendiskriminasi hampir selalu memberikan rasa bersalah lebih kepada wanita daripada lelaki dalam apa cara tindakan yang dilihat sebagai melanggar norma tingkah laku seksual, terutamanya mana-mana contoh daripada hubungan seksual yang dikatakan di luar perkahwinan (zina). Oleh itu, rejam disifatkan sebagai melanggar Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (1948), yang menjamin hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan diri tanpa sebarang apa jua perbezaan, termasuk seks (Perkara 2 dan 3 daripada UDHR).¹²⁴

Hakikatnya, Nigeria merupakan sebuah negara yang telah menandatangani beberapa perjanjian instrumen antarabangsa antaranya pertubuhan hak-hak asasi manusia sejagat (UDHR) dan deklarasi penghapusan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita, konvensyen penghapusan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita, deklarasi penghapusan keganasan terhadap wanita, konvensyen hak-hak politik wanita, dan pilihan protokol kepada konvensyen mengenai penghapusan diskriminasi terhadap wanita.¹²⁵

¹²⁴ Lihat perkara 2 dan 3, The Universal Declaration of Human Rights 1948 (UDHR), <http://www.un.org/en/documents/udhr/>, di akses pada 13 Mei 2012

¹²⁵ Hauwa Ibrahim, *Reflections: Rule of Law Prevails in the Case of Amina Lawal*, Hauwa Ibrahim analyzes the Sharia court ruling of the Amina Lawal stoning case in Nigeria, Defense Counsel for Amina Lawal, Humphrey Fellow, American University Washington College of Law, 2003-2004. <http://www.islamopediaonline.org/editorials-and-analysis/hauwa-ibrahim-analyzes-sharia-court-ruling-amina-lawal-stoning-case-nigeria>.

5.4.4 Brutal

Brutal atau lebih dikenal sebagai keganasan atau kekerasan, merujuk kepada tingkah laku yang kejam dan tidak berperikemanusiaan, ahli akademik juga mengkritik tindakan rejam bagi kesalahan zina sebagai bersifat brutal, mereka berhujah tentang layanan kekerasan terhadap kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki yang memberikan impak negatif dalam masyarakat. Sememangnya kaum wanita yang dihukum mati di Nigeria adalah terlalu ramai dan layanan terhadap mereka lebih bersifat diskriminasi terhadap jantina.

5.4.5 Pensabitan Pembuktian Yang Tidak Relevan dan Berat Sebelah

Pensabitan pembuktian yang tidak relevan dan berat sebelah juga menjadi punca kepada kritikan golongan ahli akademik terhadap hukuman rejam di Nigeria. Hal ini berlaku disebabkan pihak mahkamah mengambil kira bukti berdasarkan pernyataan yang tercatat dalam statut semata-mata tanpa mengambil kira hak-hak kemanusiaan yang pihak tertuduh berhak mendapatkan bantuan pembelaan sebelum mahkamah memutuskan sebarang hukuman.

Situasi ini berlaku kepada Amina Lawal dan Saffiya Hussaini di iaitu mereka dijatuhkan hukuman rejam dengan bukti kehamilan luar nikah seperti yang tercatat dalam statut yang boleh membawa kepada hukuman rejam sampai mati, pihak mahkamah menjatuhkan hukuman tanpa sebarang pembelaan, dan ini menimbulkan kemarahan masyarakat tempatan dan antarabangsa lalu wujudnya alternatif organisasi *BAOBAB* di Nigeria untuk menyediakan bantuan guaman pembelaan terhadap kaum wanita di negara

tersebut dan membawa kes mereka ke mahkamah rayuan bagi tujuan proses pembelaan terhadap kaum wanita serta menangani isu berat sebelah jantina.¹²⁶

Rasa tidak puas hati terhadap Mahkamah Syariah bertambah rumit dalam kalangan masyarakat Muslim Nigeria apabila kaum wanita di Nigeria terlalu ramai berhadapan dengan hukuman mati berbanding dengan kaum lelaki, berpunca kelemahan Mahkamah Syariah dalam mengadili kes jenayah syariah melibatkan kes zina.

5.4.6 Penghukuman Rejam Tidak Mengikut Syariat dan Landasan Islam

Penghukuman rejam di Nigeria sememangnya tidak mengikut syariat dan landasan Islam yang sepatutnya. Walaupun bukti hamil boleh disabitkan hukuman rejam, tetapi ianya mempunyai prasyarat tertentu untuk disabitkan dengan kesalahan berzina.

Ulama' berpendapat, adapun sabit bukti utama kesalahan berzina hendaklah diutamakan kepada konsep pengakuan (*ikrar*) atau melalui empat orang saksi lelaki yang adil. Adapun jika tertuduh tidak mengaku perbuatannya, maka mahkamah tidak boleh menjatuhkan rejam terhadap tertuduh, manakala jika pendakwa atau saksi tidak cukup atau kurang daripada empat orang saksi, maka tertuduh akan disabitkan hukuman *qazaf* iaitu di sebat 80 kali sebatan dan tertuduh tidak akan dikenakan hukuman rejam.

Manakala bukti kehamilan¹²⁷ juga mestilah disabitkan dengan pengakuan tertuduh ataupun dengan empat orang saksi lelaki yang adil. Ini kerana jika wanita yang hamil

¹²⁶ A.A.Bello, *Zina (Adultery) in Islamic Criminal Law in Nigeria: The Gender Issues in Amina Lawal's Case*, Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1119684>, 1-2.

¹²⁷ Farooq, Mohammad Omar, *Rape and Hudood Ordinance: Perversions of Justice in the Name of Islam* (1 December, 2006), 3. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1525412>.

mengatakan dirinya dirogol, maka ianya sudah mewujudkan *syubhah*¹²⁸. Maka bukti kehamilan boleh diambil kira sekiranya tertuduh membuat pengakuan sendiri atau mempunyai saksi empat orang lelaki yang adil untuk sabit kesalahan berzina, jika tidak berlaku pengakuan ataupun sebarang saksi, maka hukuman rejam tidak boleh dijatuhkan ke atas wanita yang hamil itu.

Adapun di zaman Rasulullah S.A.W dan zaman Khalifah Umar R.A, di mana seorang wanita yang hamil disabitkan hukuman rejam, telah disabitkan kesalahan melalui pengakuan perempuan itu sendiri, tiada kisah yang wanita hamil dijatuhkan hukuman rejam tanpa pengakuannya dan diterima bukti dengan kehamilannya semata-mata.

Sekalipun, pada zaman moden ini bukti kehamilan boleh diperoleh melalui ujian pengesahan DNA¹²⁹, namun jika tertuduh tidak mengakui perbuatannya, maka tidak boleh dijatuhkan hukuman rejam ke atasnya sekalipun pengesahan DNA sudah cukup untuk membuktikan pengesahannya.

Ujian pengesahan DNA juga boleh mewujudkan penipuan dan keraguan sebagai satu cara untuk menganiaya dan menzalimi pihak tertuduh, atau pihak tertuduh menukar ujian pengesahan DNA untuk menyelamatkan diri daripada dikenakan sebarang hukuman. Maka bukti melalui ujian DNA dikategorikan sebagai *qarinah* atau bukti yang lemah (*syubhah*). Maka Islam mengambil jalan selamat menolak sebarang *syubhah* dan

¹²⁸ *Syubhah*, maknanya wujud keraguan. *Qarinah* atau bukti terbahagi kepada dua: 1) *Qat'i* (kuat) dan 2) *Zanni* (Lemah). *Syubhah* termasuk dalam golongan bukti yang lemah. Islam menolak bukti yang lemah, sebaliknya menerima bukti yang *qat'i* iaitu bukti yang yakin dan kuat. Maka bukti yang kuat dan diterima oleh jumhur ulama' ialah dengan pensabitan melalui pengakuan dan penyaksian empat orang saksi lelaki yang adil.

¹²⁹ Ujian DNA ialah ujian Deoxyribonucleic acid yang boleh mengesan kepadanan sesuatu gen manusia dan haiwan. Ujian ini salah satu ujian yang diiktiraf oleh Islam. Walaupun begitu, ujian DNA tidak boleh menjadi bukti yang kuat sebagai penyokong kepada kes-kes yang berkaitan dengan hudud kerana ia boleh mewujudkan perkara *syubhah* sama ada dipalsukan atas tujuan-tujuan tertentu. Namun bagi kesalahan-kesalahan yang ringan dan berbentuk hukuman ta'zir, maka ujian ini boleh dijadikan sebagai bukti.

mengambil jalan yang lebih yakin iaitu menurut pandangan jumbuh ulama'¹³⁰ diterima melalui pengakuan (*ikrar*) si tertuduh ataupun melalui penyaksian empat orang lelaki yang adil.

5.5 Kesimpulan

Melihat kepada respon dan bantahan masyarakat tepatan Nigeria dan juga masyarakat antarabangsa, pelaksanaan hukuman rejam di Nigeria mencetuskan beberapa permasalahan hak asasi manusia lebih-lebih lagi melibatkan hak asasi wanita, jika dilihat kepada sejarah, budaya dan kaum wanita di Nigeria sememangnya berlatar belakang faktor kemiskinan dan kurangnya pendidikan agama. Disebabkan kurang pengetahuan, maka golongan wanita tidak mendapat keadilan sepenuhnya dan di sinilah perlunya bantuan perwakilan untuk menjamin keselamatan mereka dan memberi perlindungan terhadap hak mereka seperti perwakilan peguam dan sebagainya. Perwakilan antarabangsa amat membantah hukuman mati sejajar dengan hak asasi manusia untuk memastikan keselamatan dalam apa jua keadaan sekalipun.

Sebahagian ulama Islam telah melangkau lebih jauh dan percaya bahawa di bawah undang-undang syariah setiap orang tanpa mengira negara asal, agama, bangsa, jantina, status, umur atau warna mempunyai hak asasi manusia yang perlu dihormati. Hak ini termasuk: hak untuk hidup, hak untuk keadilan, hak untuk kesaksamaan, hak untuk bebas daripada diskriminasi, hak kebebasan daripada perhambaan, menghormati kesucian wanita, hak untuk keselamatan nyawa dan harta benda, hak untuk kebebasan peribadi, hak untuk

¹³⁰ Menurut Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafi'e, pandangan ini lebih selamat dalam menggunakan *qarinah* yang lebih mencapai kepada darjat yakin.

kebebasan bersuara, dan kesaksamaan undang-undang. Dr. M.T Ladan¹³¹ telah berhujah sebagai contoh, bahawa terdapat beberapa hak tertentu kepada wanita kerana "*tanggungjawab istimewa dan status mereka pada kaca mata Islam*". Hak ini adalah untuk kesaksamaan dalam status, nilai, hak pendidikan, hak untuk memiliki dan melupuskan harta, hak untuk warisan dan mahar, hak untuk penyelenggaraan, hak penjagaan kanak-kanak dan hak untuk mendapatkan perceraian. Begitu juga dalam kes perundangan, wanita juga perlu diberi hak yang sama dalam konteks keselamatan dan keadilan sejagat. Kesimpulannya, aktivis hak asasi, organisasi wanita di Nigeria dan di peringkat antarabangsa perlu berusaha ke arah pembaharuan undang-undang, dan penguatkuasaan domestik norma antarabangsa dan standard bagi pematuhan hak asasi wanita seperti Konvensyen bagi Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Ini merupakan ujian sebenar bagi sesebuah negara untuk menegakkan hak-hak perlembagaan, demokrasi dan rakyat tanpa mengira kaum, bangsa, umur, status ekonomi, sosial, dan juga jantina.

Bab yang terakhir (Bab VI) akan membincangkan topik mengenai analisis hukuman rejam terhadap triti hak asasi manusia di Nigeria yang menjelaskan mengenai implikasi positif dan negatif hukuman rejam terhadap hak asasi manusia di Nigeria.

¹³¹ Professor Muhammed Tawfiq Ladan adalah seorang peguam akademik yang mengajar Fiqh Perbandingan di Fakulti Undang-undang, Universiti Ahmadu Bello, Nigeria.

BAB VI

ANALISIS: IMPLIKASI HUKUMAN REJAM TERHADAP

HAK ASASI MANUSIA DI NIGERIA

Pengenalan

Bab yang ke VI (bab terakhir) ini membicarakan mengenai implikasi hukuman rejam terhadap hak asasi manusia di Nigeria. Terdapat beberapa triti hak asasi manusia seperti *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR), *The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW), *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR) dan pertubuhan-pertubuhan hak asasi wujud di Nigeria. Oleh itu, topik ini akan menyatakan sejauh manakah triti antarabangsa menjadi faktor penentu dalam mempengaruhi keputusan mahkamah terhadap kes rejam sebelum ini boleh memberikan implikasi positif atau negatif terhadap sebarang keputusan hukuman mahkamah syariah di Nigeria.

6.1 Implikasi Positif Hukuman Rejam Terhadap Hak Asasi Manusia di Nigeria

Berikut merupakan antara beberapa implikasi positif hukuman rejam terhadap hak-hak asasi manusia di Nigeria, iaitu:

6.1.1 Triti Antarabangsa Merupakan Pertubuhan Undang-undang Sah Yang Wajib Digunapakai Kepada Pihak Yang Menandatangani

Seperti sedia maklum, Nigeria adalah sebuah negara yang sangat meraikan hak-hak asasi manusia dan merupakan negara yang banyak menandatangani surat-surat yang melibatkan hak-hak asasi manusia di Nigeria. Secara tidak langsung, Nigeria telah terikat dengan triti antarabangsa dan sedikit sebanyak telah memberikan implikasi positif kepada pertubuhan hak asasi manusia dalam campurtangan hal-hal yang berkaitan dengan hak-hak asasi manusia di Nigeria baik dari segi apapun yang membabitkan pentadbiran negara dan politik, pengadilan mahkamah serta perlembagaan Nigeria itu sendiri. Dalam konteks hukuman rejam, campurtangan pertubuhan hak asasi manusia sehingga dapat mengubah keputusan mahkamah syariah secara tidak langsung menampakkan kesan yang baik terhadap pertubuhan itu sendiri, jika di lihat bagaimana usaha-usaha mereka membawa kes-kes yang melibatkan hukuman mati ke peringkat rayuan sekaligus berjaya menyelamatkan pihak tertuduh daripada dikenakan hukuman rejam/mati. Ini dapat kita lihat dalam bab IV yang lepas bagaimana perjuangan mereka membantu kes utama rejam Nigeria seperti kes Saffiya Hussain¹³² dan kes Amina Lawal¹³³. Kedua-duanya dapat bebas daripada hukuman rejam di Nigeria, dengan hujah-hujah mereka yang bernas disamping mencetuskan apa-apa

¹³²Case no. USC/GW/CR/FI/10/2001 Upper Sharia Court, Gwadabawa, Sokoto State, 3 July to 9 October, 2001, translated by Abdurauf A. Shehu, 22 January 2002; Sharia Court of Appeal of Sokoto State, Sokoto Judicial Division, 25 March 2002, translated by Ibrahim Ladan, D.D. Litigation, High Court of Justice, Sokoto, 27 July 2002. Ogbu U. Kalu, *Saffiya and Adamah: Punishing Adultery with Sharia Stones In Twenty-First-Century Nigeria*, African Affairs (2003), 102, 389–408, (Royal African Society 2003), 394. Aliyu Musa Yamuri, *On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal*, From P. Ostien, ed, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, (Ibadan: Spectrum Books Ltd, 2007, Vol. V, Chapter 6, Part VII). 129-130. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1470205>.

¹³³ Amina Lawal v. The State, KTS/SCA/FT/86/2002, A.A. Bello, *Zina (Adultery) in Islamic Criminal Law in Nigeria: The Gender Issues in Amina Lawal's Case*, 4. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1119684> Human Right Watch, "Political Shari'a"? , *Human Rights and Islamic Law in Northern Nigeria*, Vol. 16 No. 9 (A), 35. Aliyu Musa Yamuri, *On Defending Safiyatu Hussaini and Amina Lawal*, From P. Ostien, ed, *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*, (Ibadan: Spectrum Books Ltd, 2007, Vol. V, Chapter 6, Part VII). 132. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1470205>.

keraguan baik dari segi pembuktian, prosedur dan penguatkuasaan akta itu sendiri. Maka kejayaan mereka itu diraikan serta kewujudan mereka turut diiktiraf untuk menjaga kepentingan dan menjamin hak asasi manusia masyarakat Nigeria. Namun kejayaan mereka itu bukanlah disebabkan mahkamah Syariah tunduk terhadap mereka, tetapi disebabkan kelemahan pengurusan mahkamah Syariah itu sendiri yang mengakibatkan triti antarabangsa ini mempersoalkan soal pengurusan dan pentadbiran mahkamah berbanding hukuman rejam itu sendiri. Pengurusan Mahkamah Syariah Nigeria begitu rapuh dan tidak bersistematik mengikut garis-garis prosedur yang ditetapkan dan begitu terburu-buru dalam menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh.

6.1.2 Menjaga Kepentingan Individu Agar Diberi Hak Yang Adil Untuk Merayu Dan Menarik Balik Pengakuan Yang Dibuat

Kadang-kadang berlaku di mahkamah, kebanyakan hukuman yang dijatuhkan hanya mengikut kepada undang-undang bertulis sedia ada tanpa memberi hak dan peluang kepada pesalah untuk membuat sebarang rayuan dan menarik balik pengakuan tanpa menyedari yang pesalah mempunyai haknya untuk melantik peguam untuk membela dirinya namun pesalah itu jahil dan merasa takut lalu mengaku perbuatannya tanpa mengetahui ia mempunyai hak untuk membuat rayuan dan menarik balik pengakuannya jika ada¹³⁴. Ini juga mungkin disebabkan latar belakang pesalah yang tidak mempunyai pendidikan agama dan begitu juga tidak semua masyarakat tahu mengenai undang-undang agama lalu memandang undang-undang agama itu sebagai zalim. Contohnya kes Saffiya Hussaini, setelah kes tersebut sampai ke pihak antarabangsa, kemunculan triti hak asasi manusia

¹³⁴ Merujuk kepada kes Saffiyya Hussaini, latar belakang beliau dari golongan miskin dan tiada pendidikan agama. Beliau mengaku perbuatannya disebabkan kejahilan beliau yang sebenarnya mempunyai hak untuk melantik peguam bagi pihak dirinya serta mempunyai hak untuk menarik balik pengakuannya.

berjuang untuk membantu Saffiya Hussaini dengan menghantar perwakilan peguam bagi pihaknya justeru mengemukakan rayuan untuk membicarakan kes Saffiya Hussaini sekali lagi.

Setelah kes rayuan ini berjaya, triti antarabangsa terus mendapat tempat dan pujian daripada masyarakat tempatan dan antarabangsa atas kejayaan mereka menyelamatkan tertuduh daripada hukuman rejam/mati. Secara tidak langsung, ianya memberikan implikasi positif terhadap pertubuhan hak asasi manusia di Nigeria dan dipandang tinggi sebagai sebuah organisasi yang mampu menggugat keputusan mahkamah Syariah dan pertubuhan mereka turut diiktiraf dari semasa ke semasa. Mengapa keadaan ini berlaku? Bagaimana Syariah Islam dapat ditegakkan jika hukuman rejam tidak dapat dilaksanakan sama sekali? Bukankah Syariah Islam itu sendiri sudah memberi jaminan terhadap hak asasi manusia? Mengapa perlu kepada pertubuhan hak asasi manusia ciptaan Barat?

6.1.3 Menjaga Keseimbangan Jantina Agar Hak Wanita Turut Terpelihara Serta Menjamin Hak Pengakuan Tertuduh Daripada Unsur Berat-sebelah (*Bias*)

Menurut mazhab Maliki yang merupakan pegangan masyarakat Islam Nigeria, bukti kehamilan¹³⁵ juga merupakan bukti yang kuat untuk disabitkan hukuman rejam bagi kesalahan zina muhsan. Ini juga menampakkan kelemahan mahkamah syariah di Nigeria

¹³⁵ Zina boleh sabit dengan qarinah atau keterangan yang kuat yang menunjukkan ia berlaku seperti kehamilan wanita yang tidak mempunyai suami atau tuan (dalam kes hamba sahaya). Pensabitan rogol melalui peralatan teknologi terkini, seperti melalui pemeriksaan air mani si lelaki dan rekodnya di makmal-makmal jenayah, atau juga melalui rakaman perlakuan jenayah dengan alat perakam moden. Ini merupakan pandangan al-Zaila'i, Ibn al-Ghars dan al-Tarabulsi daripada mazhab Hanafi, Ibn Farhun dan al-Maziri daripada mazhab Maliki, Ibn Abd al-Salam daripada mazhab Syafi'i, Ibn Taimiyyah daripada mazhab Hanbali dan selain mereka. Misalnya, Ibn al-Qayyim dalam beberapa tempat dalam kitabnya antaranya I'lam al-Muwaqqi'in (4/374) mengatakan : "Para sahabat Nabi SAW telah menjatuhkan hudud zina dengan hanya sebab kehamilan, dalam hudud arak dengan bau dan muntah, dan ini adalah benar".

kerana memandang berat sebelah terhadap golongan wanita dan menyebabkan sebahagian besar kes hukuman rejam melibatkan golongan wanita banyak yang disabitkan dengan bukti kehamilan¹³⁶, sedangkan lelaki terlepas bebas kerana tiada bukti kukuh dikaitkan dan tidak boleh dibicarakan sama sekali, ini kerana lelaki tidak menanggung beban kehamilan seperti perempuan, dan perempuan yang menanggung kesalahan itu samaada beliau dirogol ataupun sememangnya berzina walhal pada hakikatnya berzina melibatkan kesalahan dua orang, bukannya seorang. Hal ini dapat kita lihat menerusi kes Amina Lawal dan Saffiya Hussaini dalam bab yang lepas, yang kelemahan ini boleh menyebabkan sebahagian besar golongan wanita akan terkorban dan mencetuskan jurang besar dalam keseimbangan jantina di dalam sesebuah negara. Masyarakat Islam akan dipandang rendah oleh masyarakat bukan Islam kerana menganiaya kaum perempuan dan menyalahkan undang-undang Islam tidak adil dan berat-sebelah. Hal ini tidak sepatutnya timbul jika mahkamah syariah mahir dan cerdik ketika mengadili sesuatu kes dengan kepintaran seorang hakim yang semata-mata menjatuhkan hukuman mengikut apa yang tercatat dalam undang-undang bertulis berbanding dengan menggunakan akal yang logik berpandu kepada kehendak al-Quran dan Hadis terhadap pelaksanaan hukuman hudud. Islam mengkehendaki melaksanakan hukum hudud dalam perlembagaan negaranya, namun menjatuhkan sesuatu hukuman hudud seboleh-bolehnya hendaklah dihindari jika terdapat walau sedikitpun keraguan, kerana khuatir menjatuhkan hukuman terhadap golongan yang tidak bersalah.

¹³⁶ Kes Saffiya Hussaini dan Amina Lawal, kedua-duanya disabitkan dengan bukti kehamilan kemudian diikuti dengan pengakuan, walaupun Mazhab Maliki menerima bukti kehamilan sebagai sabit zina, namun majoriti fuqaha seperti Hanafi, Syafii dan Hanbali tidak menerima kehamilan sebagai bukti yang kuat tanpa disokong dengan bukti yang lebih kuat seperti empat kali pengakuan atau dengan penyaksian empat orang saksi. Walaupun kedua-dua kes ini mengaku kesalahannya walaupun disabitkan dengan bukti kehamilan, mahkamah Syariah telah menafikan hak mereka untuk menarik balik pengakuan sedangkan undang-undang Syariah membenarkan untuk menarik balik pengakuan.

Perwakilan hak asasi manusia Nigeria telah mematahkan hujah mahkamah terhadap penafian hak-hak tertuduh untuk menarik balik pengakuan mereka kerana undang-undang Syariah membenarkan untuk menarik balik pengakuan tanpa syarat melainkan disabitkan dengan penyaksian empat orang saksi. Kedatangan perwakilan hak asasi manusia telah memberi kesan positif iaitu: hak pengakuan tertuduh lebih terjamin kerana, i) pembuktian yang berat-sebelah untuk mensabitkan zina akan dapat dikawal. Contohnya: Pengakuan Amina Lawal dan Saffiya Hussaini tidak boleh diterima bulat-bulat tanpa ada keterangan sokongan. ii) Syubhah wujud terhadap pengakuan keduanya, sedangkan undang-undang Syariah menolak sebarang syubhah dan tidak boleh menjatuhkan hukuman sekiranya wujud syubhah. Walaupun Mazhab Maliki menerima kehamilan sebagai bukti sabit zina, tapi ianya tidak boleh dijadikan kayu ukuran utama untuk mensabitkan zina kerana masih boleh wujud syubhah ke atasnya, seperti kes rogol, sumbang mahram dan kes-kes penderaan seksual lain juga boleh menyebabkan kehamilan. Justeru itu, bukti kehamilan tetap merupakan perkara syubhah sehingga dibuktikan dengan keterangan sokongan yang lebih kuat dalam mensabitkan kesalahan zina.

6.2 Implikasi Negatif Hukuman Rejam Terhadap Hak Asasi Manusia di Nigeria

Hukuman rejam di Nigeria sebenarnya tidak memberikan langsung implikasi negatif terhadap hak asasi manusia di Nigeria. Ini kerana pertubuhan organisasi tersebut sentiasa beroleh kejayaan demi kejayaan dalam perjuangan mereka selain diiktiraf oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa. Walaupun mereka ada juga menerima kritikan, namun ianya tidak memberikan impak yang besar dan ketara kerana apa yang mereka perjuangkan sebenarnya boleh dikira sebagai logik dan munasabah. Jika dilihat dari sudut

positifnya, pertubuhan hak asasi manusia bukan memperjuangkan untuk menghapuskan hukuman rejam, namun apa yang diperjuangkan mereka adalah jaminan hak-hak tertuduh, kelemahan yang wujud dalam prosedur tatacara mahkamah Syariah dan memandang ringan serta cuai untuk meneliti keraguan dan syubhah di dalam mensabitkan pembuktian bagi kesalahan zina. Keadaan ini langsung tidak menampakkan mereka untuk menghapuskan hukuman rejam, cuma kritikan yang wujud mungkin bersifat pandangan peribadi seperti motif pertubuhan mereka yang disokong oleh orang bukan Islam dalam campurtangan hal ehwal orang Islam, namun ianya bukanlah suatu alasan kukuh untuk menggugat pertubuhan hak asasi manusia tersebut.

6.3 Analisis Implikasi Hukuman Rejam Terhadap Hak Asasi manusia di Nigeria

Berdasarkan kepada kes-kes hukuman rejam yang dibincangkan sebelum ini, ternyata bahawa triti hak asasi manusia juga secara tidak langsung merupakan faktor penentu dalam mengubah keputusan mahkamah. Apa yang dibawa oleh triti tersebut sebenarnya memberi ruang kepada mahkamah syariah memperbaiki kelemahan yang wujud dari sudut prosedur, kesahihan pembuktian dan mewujudkan *syubhah*¹³⁷ agar boleh dikemukakan keterangan sokongan yang lebih kuat untuk mensabitkan hukuman rejam.

Kesimpulannya, walaupun kewujudan mereka ini seolah-olah mengganggu mahkamah syariah untuk bertindak sendiri, melawan pihak mahkamah Syariah terhadap keputusan menjatuhkan hukuman rejam, namun mereka juga amat diperlukan untuk mengawal mahkamah Syariah daripada bertindak sesuka hati tanpa dipantau sehingga

¹³⁷*Syubhah* ialah perkara-perkara yang boleh mendatangkan keraguan.

mengakibatkan penindasan terhadap tertuduh justeru menjatuhkan hukuman tanpa sebarang kata dua dan bertindak semata-mata menurut akta tertulis sahaja. Maka kewujudan mereka harus diberikan kredit agar mahkamah Syariah boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan mereka sedia ada ketika membicarakan kes-kes yang melibatkan hukuman rejam di Nigeria. Hukuman rejam boleh diputuskan, namun hendaklah berteraskan bukti yang kukuh/kuat, prosedur yang betul dan tanpa keraguan *syubhah* yang dapat menggugurkan hukuman rejam dilaksanakan.

Hakikatnya, kewujudan campurtangan hak asasi manusia di Nigeria bukanlah bertindak sebagai penghapus hukuman rejam tersebut. Namun apa yang diperjuangkan oleh mereka adalah jaminan hak-hak tertuduh, kelemahan yang wujud dalam prosedur tatacara mahkamah Syariah dan memandang ringan serta cuai untuk meneliti keraguan dan syubhah di dalam mensabitkan pembuktian bagi kesalahan zina. Keadaan ini langsung tidak menampakkan mereka untuk menghapuskan hukuman rejam, cuma kritikan yang wujud mungkin bersifat pandangan peribadi seperti motif pertubuhan mereka yang disokong oleh orang bukan Islam dalam campurtangan hal ehwal orang Islam, namun ianya bukanlah suatu alasan kukuh untuk menggugat pelaksanaan hukuman rejam.

Fuqaha silam telah sepakat tentang pensyariatan hukuman rejam dan kewajipan pelaksanaannya terhadap penzina *muhsan*. Ini sudah cukup untuk menjadi inspirasi dan asas kepada para mujtahid kontemporari dan para ilmuan dan ulamak modern untuk mengorak perbincangan semasa yang lebih mantap ke arah membantu pelaksanaannya atau pun, jika mahu sepakat, untuk tidak melaksanakannya, boleh dilakukan *ijtihad*¹³⁸, fatwa atau pendapat yang relevan. Bila ia menjadi peruntukan dalam undang-undang, ia

¹³⁸ Mencurahkan usaha dan tenaga untuk mendapatkan hukum syarak yang berbentuk amali dengan cara istinbat dari dalil-dalil dan sumber syarak.

sewajarnya dipatuhi. Namun, di sebalik semua itu, elemen pencegahan dan pendidikan yang diharapkan dapat menjadi peringatan kepada masyarakat agar menjauhkan diri daripada jenayah zina yang terkutuk ini. Hal ini lebih penting daripada statistik yang diharap dapat dikumpul saban tahun mengenai pesalah zina ini. Nigeria yang menjadi kajian kes di dalam kertas ini, membuat percubaan yang berani mempraktikkan peruntukan undang-undang zina dan hukumannya. Namun, pada praktiknya, ia bukanlah mudah untuk disabitkan. Jika terdapat keraguan, walaupun sedikit, hukuman rejam dan hudud secara keseluruhannya, tidak dapat dilaksanakan.

Sheikh Yusuf al-Qaradawi, pernah berkata bahawa jika diteliti kaedah yang Rasulullah s.a.w lakukan, bahawa hakikatnya sebelum Nabi s.a.w melaksanakan hukum hudud, Baginda terlebih dahulu menegakkan Islam secara keseluruhannya, yakni menegakkan kehidupan Islam. Dalam ungkapan yang lebih jelas-seperti yang dinyatakan oleh Yusuf Qaradhawi- “dasar [berkenaan pelaksanaan hudud ialah] tidak dilaksanakan [hukum] hudud melainkan apabila kita telah melaksanakan-seperti yang telah saya katakan- ajaran-ajaran Islam keseluruhannya yang berkaitan akidah, syariat, akhlak, tata susila dan nilai-nilai [murni], kita bangunkan masyarakat Islam, dalam keadaan ini, kita laksanakan [hukum] hudud”.¹³⁹ Memetik kata-kata Tun Abdul Hamid, mantan Ketua Hakim Negara dalam ucapannya baru-baru ini: “Pelaksanaan sesuatu undang-undang bukan tamat dengan penguatkuasaannya. Lebih penting ialah bagaimana pelaksanaan itu berjalan, apa kesan dan

¹³⁹Rujuk : <http://www.qaradawi.net/>, pembahasan Dr. Sheikh Yusuf Qaradhawi mengenai hudud.(akses 1/11/2012)

akibatnya, adakah ia membawa kepada keadaan masyarakat yang lebih aman dan tenteram, dan adakah ia meningkatkan tahap keadilan di sesebuah Negara.”¹⁴⁰

6.4 Islam Menjamin Hak Asasi Manusia Sejagat

Hak asasi manusia adalah berdasarkan kepada perisytiharan yang dibuat oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) pada 10 Disember 1948, yang dikenali sebagai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Perisytiharan ini telah membahagikan hak asasi manusia kepada empat kebebasan utama iaitu kebebasan daripada ketakutan, kebebasan daripada kemahuan, kebebasan bersuara dan kebebasan kepercayaan. Ia menyenaraikan pelbagai hak asasi manusia, daripada hak sivil dan politik sehinggalah hak ekonomi, sosial dan kebudayaan.¹⁴¹

Hak kemanusiaan yang dinyatakan dalam UDHR itu adalah merujuk kepada hak yang dimiliki oleh semua insan, berdasarkan prinsip bahawa semua insan memiliki satu bentuk hak yang sama, sebagaimana mereka memiliki indentiti insan, yang tidak dipengaruhi oleh faktor tempatan, perkauman dan kewarganegaraan. Pada hakikatnya, hak kemanusiaan itu juga tertakluk kepada hak dari segi perundangan dan hak dari segi moral. Hak kemanusiaan dari segi undang-undang ialah satu bentuk hak yang dinikmati oleh seorang warganegara sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang negara tersebut.

¹⁴⁰Tun Abdul Hamid Mohamad, “Pelaksanaan Hudud di Brunei: Perbezaan di antara Brunei dan Malaysia” syarahan yang disampaikan dalam Wacana Intelektual MPM-TADIM pada 7/1/2014 bertempat di Wisam Sejarah, jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. <http://tunabdulhamid.my> (akses 23/1/2014)

¹⁴¹ Timbalan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), *Hak Asasi Manusia*, <http://www.peguamsyarie.org>.

Pencabulan hak kemanusiaan yang berkenaan, akan membawa kepada tindakan undang-undang yang sewajarnya, dan ia berbeza dari satu negara ke satu negara yang lain.¹⁴²

